



**SIRI JEJAK SEJARAH**

---

# **TANAH BERSEJARAH**

---

Diselenggarakan oleh:  
**FAUZIAH ABD RALIP**

© PUSTAKA CITA TINGGI

**PUSTAKA CITA TINGGI**  
No. 32, Jalan PBS 14/8,  
Tmn Perindustrian Bkt Serdang,  
43300 Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-89458505  
Fax : 03-89458510

*Semua hak cipta terpelihara.  
Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubahsuai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.*

© **PUSTAKA CITA TINGGI**  
Cetakan Pertama 2002

**ISBN SIRI 983-023-324-3**  
**ISBN 983-023-331-6**

M  
1056129

M  
959-5118  
TAN

20 MAR 2002

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

RAMAI pengkaji sejarah mengatakan bahawa sejarah Malaysia sebenarnya bermula di Melaka. Sama ada fakta ini benar atau tidak, ianya bergantung kepada sejauh mana fakta-fakta yang telah berjaya dicungkilkan oleh pengkaji-pengkaji tersebut. Kendatipun begitu, hakikat bahawa sejarah Malaysia bermula dari Melaka memang tidak dapat dinafikan. Banyak peninggalan bersejarah pasti membawa kembali kenangan peristiwa-peristiwa yang penuh gilang-gemilang kira-kira 600 tahun lalu terdapat di negeri kecil ini.

Melaka atau lebih dikenali dengan nama Bumi Hang Tuah ini bukanlah sebuah negeri yang asing lagi bagi kita rakyat Malaysia. Sejak di bangku sekolah rendah lagi kita sudah didedahkan dengan sejarah tentang Melaka. Kisah tentang Portugis, A Fomasa, Hang Tuah lima bersaudara, Puteri Gunung Ledang dan sebagainya bagaikan sinonim dengan Melaka. Sesungguhnya, Melaka memang sebuah negeri kecil yang kaya dengan pelbagai kisah benar, mitos dan legendanya yang tersendiri.

Sebenarnya, Melaka atau bumi Hang Tuah ini terletak di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia. Melaka yang berdepan dengan sebuah selat yang menjadi laluan kapal-kapal dagang sejak berkurun dahulu iaitu Selat Melaka. Melaka terletak sejauh 147 kilometer dari Kuala Lumpur dan 245 kilometer dari Singapura sekiranya kita menggunakan jalan darat. Sementara itu negeri Melaka ini telah diapit oleh dua negeri jiran iaitu Negeri Sembilan dan Negeri Johor.



◀ *Laksamana Hang Tuah  
- sinonim dengan bumi  
Melaka.*

Menurut Jabatan Perangkaan dan Pemetaan, seperti mana yang telah tercatat di dalam katalognya, Melaka yang mempunyai tanah seluas 658 kilometer persegi, telah dibahagikan kepada tiga daerah iaitu Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Penduduknya pula ialah seramai 593,000 orang sehingga pertengahan tahun 1999, dan dijangka tumbuh serta bertambah kepada 598,000 orang menjelang tahun 2000 atau 2001.

Sebagaimana yang telah dikenali sebagai tunggak sejarah Negara Malaysia, menurut catatan sejarah, Melaka atau Bumi Hang Tuah ini pada zaman dahulu kala dipanggil Pulau Lima oleh pedagang dan pelayar China. Mengikut catatan sejarah China pula, Melaka dikenali sebagai 'Wushu'.

Menurut riwayat, di dalam bahasa Cina, 'wu' bermaksud 'lima' dan 'shu' pula bermakna 'pulau-pulau'. Ini memberi makna bahawa Wushu ialah Lima Pulau. Menurut catatan sejarah tersebut lagi, panggilan nama berkenaan bertujuan bagi memudahkan nakhoda-nakhoda China untuk memastikan ketepatan pelabuhan di Melaka apabila mereka belayar dari Tanah Besar China. Barangkali juga ianya sebagai panduan pengganti kompas atau rumah api supaya pedagang-pedagang tersebut tidak tersasar dari tujuan mereka. Pun begitu, ketiadaan alat-alat kelengkapan moden seperti sekarang menyebabkan mereka menjadikan itu sebagai alternatif terbaik terutama sewaktu berada di tengah laut.

Kedudukan lima buah pulau yang dikenali sebagai Pulau Lima oleh pedagang-pedagang Cina itu amat bertepatan sekali. Secara logiknya, kelima-lima pulau tersebut memang terletak secara kumpulan di hadapan tanah besar Melaka dan ini sememangnya amat mudah dikesan lebih-lebih lagi jika kita berada di tengah laut. Kelima-lima buah pulau tersebut ialah Pulau Besar, Pulau Serimbun, Pulau Lalang, Pulau Burung dan Pulau Hanyut.

Menurut kajian sejarah, salah satu penjelasan mengenai asal usul sejarah nama Melaka ialah sebutan nama Melaka itu sendiri. Orang-orang Arab memanggil Melaka dengan nama 'Malakat' - yang bermaksud 'pertemuan pelbagai bentuk perniagaan.' Bagaimanapun, perkataan Arab 'Mulaqah' adalah lebih tepat kerana memberi makna 'perjumpaan'.

Selain dari itu, menurut fahaman dan penjelasan orang-orang tempatan, Melaka mendapat namanya daripada sebatang pokok di muara Sungai Melaka. Ini juga bertepatan dengan sejarah Parameswara seperti yang pernah kita pelajari di sekolah dulu. Oleh kerana banyaknya pengaruh menerusi kepercayaan Hindu pada masa itu, pokok tersebut disebut-sebut seperti *Amalaka Emblic Myrobalan*, sejenis


pokok yang berbuah. Menurut kepercayaan masyarakat dahulu kala bahawa buah daripada pokok tersebut mempunyai khasiat bagi memperkuat fizikal dan tenaga terutama untuk seseorang lelaki.

Mengikut pandangan popular daripada pakar dan cendekiawan sejarah tempatan dan luar negara pula, seorang putera raja yang bernama Parameswara adalah pengasas dan pelopor penubuhan Melaka. Beliau juga dikenali sebagai Iskandar Shah yang memerintah Melaka selama 22 tahun sebelum mangkat di Bertam pada tahun 1413/1414. Kisah beliaulah yang paling tersohor di mana Melaka dicagukan dari nama sebatang pokok ketika beliau bersama orang-orang bawahan beliau sedang berehat di bawahnya.


Menurut catatan riwayat, Bertam adalah sebuah tempat yang pertama sekali Parameswara menjejakkan kakinya dan di sinilah beliau telah terpancang seekor kancil putih dalam ekspedisi memburu. Kebanyakan pemerhati berpendapat, pokok Melaka yang menjadi tempat berteduh dan rehat Parameswara ialah nama asal Melaka pada tahun 1401.

Seperti mana dengan Adat Perpatih di negeri jirannya iaitu Negeri Sembilan, yang bermula pada zaman Datuk Perpatih Pinang Sebatang dari Sumatera dan orang-orang Minangkabau pada Kurun Ke-17, adat ini juga telah diamalkan di daerah seperti Alor Gajah dan Jasin.

Pelbagai cara untuk mengenali negeri Melaka atau Bumi Hang Tuah ini secara lebih mendalam selain dari membaca buku-buku



▲ Masjid Tengkeru, 1728, lambang kewujudan Islam di Melaka.



▲ *Istana Sultan Mansur Shah (Khayalan pelukis).*

sejarah. Antara cara yang paling menghiburkan untuk mengenali dan mendalami sejarah tentang Melaka ialah menonton pertunjukan cahaya dan lampu selama satu jam. Dengan cara begini, dikatakan bahawa pendekatannya adalah seperti membawa anda menyelami sejarah Melaka selama 600 tahun menerusi drama-dokumentari.

Melaka memang kaya dengan pelbagai tempat-tempat yang menarik untuk dilawati terutama pada musim-musim cuti. Selain dari indah, cantik, bersih dan mempersonakan, tempat-tempat ini juga menyediakan pelbagai kemudahan untuk beristirahat, berekreasi, bersantai mahupun untuk menghabiskan masa secara tenang dan tenteram tanpa sebarang gangguan.

Tempat-tempat yang menarik perhatian terutamanya kepada para pelancong ialah Penempatan Feringi. Penempatan Feringgi merupakan sebuah perkampungan keturunan kacukan orang-orang Eropah dengan Asia di kalangan pendatang Portugal, Belanda dan Inggeris yang pernah menjajah Melaka pada kurun ke-16, ke-17 dan ke-18 kerana berkahwin dengan orang-orang tempatan. Sehingga sekarang, kita boleh dapati pelbagai adat dan budaya Eropah masih diamalkan di sini dan ianya menjadi salah satu daya tarikan yang tersendiri.

Selain dari Penempatan Feringgi, lain-lain tempat menarik yang boleh menjadi destinasi pelancongan yang tidak menjemukan ialah Mini Malaysia. Di samping kompleks perumahan dari 13 buah negeri di Semenanjung Malaysia ini, terdapat juga Taman Mini ASEAN, yang mempamerkan pelbagai elemen kebudayaan kesemua Negara Asean termasuk Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura, Indonesia dan Brunei. Keunikan yang terdapat di sini ialah kawasan persekitaran yang tenang, sejuk, segar, damai, tenteram dan mudah didatangi terutama melalui lebuhraya.

Apabila berada di sini, kita seolah-olah sedang berada di sebuah perkampungan pelbagai negeri, bangsa, adat, budaya dan sebagainya. Rumah-rumah masyarakat pelbagai etnik yang didirikan di sini kelihatan begitu bersahaja dan amat sesuai sekiranya kedatangan kita ke sini secara darmawisata.

Di dalam bidang ekonomi, Melaka dikatakan sedang pesat membangun. Pelbagai pembangunan sudah dan akan dilaksanakan di setiap pelosok negeri dalam usaha kerajaan membantu rakyat pelbilang kaumnya. Bolah dikatakan, Melaka adalah sebuah negeri yang maju dan berkembang pesat dari hari ke hari.

Mengenai pelaburan pula, sektor perindustrian dikatakan kekal menjadi nadi penggerak utama terhadap pembangunan ekonomi negeri Melaka. Kebijaksanaan, kemantapan dan ketelusan kepimpinan kerajaan telah menyebabkan ramai pelabur datang ke negeri ini untuk melabur.

Menurut catatan terbaru, ramai pelabur-pelabur asing sudah pun menanam pelaburan sebanyak RM6.6 bilion pada tahun 1999, dan bercadang menambahkan lagi pada tahun-tahun akan datang. Pelabur-pelabur dari Taiwan dan negara Jerman adalah di antara negara-negara yang ingin menambah pelaburan masing-masing di Melaka. Tidak syak lagi, suatu hari nanti Melaka akan menjadi lebih maju dan membangun seiring dengan negeri-negeri lain yang lebih maju seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan.



▲ Tun Ghaffar Baba - tokoh kelahiran Melaka.

Sebagaimana yang telah dijelaskan tadi bahawa Negeri Melaka atau negeri yang lebih dikenali dengan nama Bumi Hang Tuah ini ialah sebuah negeri yang terkenal dengan sejarahnya. Melaka terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia serta bersempadan dengan Negeri Johor dan Negeri Sembilan. Kendati kecil, tetapi ianya adalah sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai budaya, sejarah dan menjadi khazanah yang tidak ternilai harganya terutama untuk tatapan generasi yang akan datang.

Di Malaysia, Negeri Melaka ini ialah negeri yang kedua terkecil selepas Perlis. Keluasannya cuma sekitar 1,657 kilometer persegi sahaja. Panjangnya dari utara ke selatan ialah 40 kilometer dan lebarnya dari barat ke timur pula ialah sekitar 69 kilometer. Lantaran kekayaan khazanah sejarahnya telah membuatkan negeri ini lebih luas lagi dan menjadi rujukan ramai pengkaji menggali harta yang tidak ternilai tertanam di dasar perut buminya.

Sebagaimana menurut catatan sejarah yang tersohor sehingga kini, nama Melaka telah lama wujud iaitu daripada nama kesultanan yang telah diasaskan oleh Parameswara atau Sultan Iskandar Syah. Daripada catatan pedagang Cina yang datang ke Melaka, sudah ada tempat dagangan atau pelabuhan bernama Melaka. Nama Melaka juga ada disebut dalam *Syair Jawa* yang bertarikh 1324. Di dalam syair tersebut Melaka disebut sebagai negeri yang bernaung di bawah Kerajaan Siam dalam tahun 1360.

Sejarah terus mencatatkan bahawa nama Melaka buat pertama kalinya telah dikesan penggunaannya pada abad ke-14. Terdapat pelbagai cerita tentang bagaimana Melaka mendapat namanya. Walau bagaimanapun, cerita yang diterima umum ialah cerita yang mengaitkan nama itu dengan sebatang pokok yang disebut pokok Melaka.

Cerita tentang ini juga telah menjadi cerita sejarah yang tersohor diperdengarkan oleh guru-guru sejarah terutama di sekolah-sekolah rendah. Sehingga sekarang, cerita ini merupakan cerita yang amat sinonim dengan Melaka.

Menurut cerita tersebut, sewaktu Parameswara sedang memburu, tiba-tiba seekor pelanduk yang berwarna putih dengan gagahnya telah bergaduh dengan seekor anjing milik Parameswara. Di dalam perkelahian tersebut, pelanduk putih itu telah menendang anjing baginda sehingga jatuh ke laut.

Melihat peristiwa tersebut, Parameswara dijerba rasa amat takjub dan terpegun dengan keganjilan itu lantas berpendapat bahawa



tempat itu sangat sesuai untuk dijadikan tempat kediaman atau sebagai tapak sebuah kampung atau negeri. Mengikuti kepercayaan orang Melayu pada zaman itu, kejadian ganjil seumpama itu melambangkan permulaan suatu pekerjaan yang akan menghasilkan kejayaan. Sekiranya ia dituruti, itu merupakan sesuatu yang amat baik.

Lantaran itulah Parameswara berkenan untuk menjadikan tempat tersebut sebagai tempat kediaman, kampung dan seterusnya menjadi sebuah pelabuhan dan negeri yang gah sebagai tempat persinggahan para pedagang dari seluruh pelosok dunia.

Lantas Parameswara pun segera memerintahkan supaya sebuah kampung atau negeri dibuka dan negeri itu dinamakan Melaka, mengambil sempena nama pokok tempat baginda sedang berteduh ketika berlakunya peristiwa ganjil tersebut. Selain itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa Melaka berasal dari perkataan 'Malagas'.

Menurut Gaspar Correa, seorang penulis sejarah pula, pada tahun 1551 beliau mengatakan bahawa Parameswara telah melarikan diri ke Melaka, didapati sudah ada penempatan di situ iaitu terdiri daripada orang-orang Melayu asli dan orang-orang Laut. Baginda mendapati di muara sungai itu ada sebuah perkampungan nelayan di mana penduduknya melakukan kerja-kerja menangkap ikan. Ikan yang ditangkap akan dijemur untuk dijadikan ikan masin. Ikan-ikan masin tersebut akan dijual kepada pedagang-pedagang yang datang dari luar.



▲ Melaka tahun 1753.

Tempat itu dikenali sebagai 'Malagas' atau 'Mulagas', sempena namanya sebagai pusat menjual ikan masin.

Sementara itu, di dalam buku *Suma Oriental*, nama Melaka dikatakan berasal daripada perkataan 'Malaya' yang bermaksud 'tempat perlindungan'. Menurut ceritanya, semasa Parameswara sampai ke Muar, sekumpulan Orang Selat telah bertemu dengan baginda dan memohon supaya baginda menjadi raja kepada mereka di suatu tempat yang lebih sesuai iaitu di Bertam.

Parameswara telah menerima permintaan tersebut dengan senang hati lalu baginda telah bertitah kepada mereka, "Kamu semua tahu dalam bahasa kita, seseorang yang melarikan diri itu dipanggil 'Melayo', oleh itu baiklah tempat ini dipanggil 'Malaya' kerana tempat ini tempat perlindungan kita."

Manakala ada pendapat lain pula mengatakan bahawa nama Melaka berasal daripada 'mirabolanos' iaitu sejenis buah yang telah dikeringkan. Nama Melaka juga telah dikaitkan dengan 'Malayakolam' atau 'Malayaka' yang bererti 'negeri orang Melayu'. Nama itu juga mempunyai persamaan dengan nama satu suku yang terdapat di India yang pernah disebut dalam cerita *Mahabhrata*.

Selat Melaka merupakan selat yang menjadi laluan kapal-kapal dagang dan senteri dari pelbagai negara. Kebetulan kedudukan geografi Melaka yang strategik iaitu di Selat Melaka ini menyebabkan ianya dengan mudah menjadi pusat tumpuan pedagang dari luar yang singgah untuk mengurus barang-barang perdagangan mereka di Melaka.

Lantaran itu, kita dapati pedagang-pedagang Arab telah memanggil bandar pelabuhan Melaka itu sebagai 'Mulagah' yang bererti 'tempat berjumpa'. Kadang-kadang tempat itu dipanggil juga dengan panggilan 'Multaqam' yakni 'tempat berkumpul' kerana semua pedagang dari timur dan barat berkumpul dan berjual beli di situ. Sementara ada juga yang menyebut Melaka sebagai 'malakat' atau 'malaqqa' yang bererti 'pasar' atau 'tempat berniaga'.

Begitulah pelbagai kisah dan pendapat yang dapat dikumpulkan tentang nama asal Melaka selain dari nama sejenis pokok yang ditemui oleh Parameswara.

Sejarah telah mencatatkan bahawa pengasas kewujudan negeri Melaka ialah Parameswara di mana baginda ialah anak raja Srivijaya yang berasal dari Palembang. Kisah baginda amat menarik di mana baginda dikatakan telah terbabit di dalam satu pemberontakan di

Sumatera menentang kerajaan Majapahit. Setelah gagal dalam pemberontakan tersebut, baginda telah lari untuk menyelamatkan diri daripada dibunuh oleh angkatan perang Majapahit.

Dalam pelarian tersebut, akhirnya baginda sampai di Temasik (nama lama bagi Singapura). Menurut riwayat, ketibaan baginda telah disambut oleh pemerintah Temasik waktu itu yang bernama Temagi. Temagi adalah wakil pemerintah kerajaan Siam yang memerintah di situ. Malangnya, Parameswara berniat jahat terhadap Temagi. Temagi telah mati dibunuh oleh Parameswara.

Apabila Siam mendapat khabar bahawa Temagi telah dibunuh, mereka telah menyerang Temasik untuk menangkap pembunuh yang terlibat. Nasib Parameswara sangat baik di mana beliau sempat melarikan diri.

Menurut ceritanya, lantaran takut ditangkap dan dibunuh oleh tentera Siam tersebut, Parameswara dan pengikut-pengikutnya terpaksa melarikan diri sehingga sampai ke suatu tempat yang akhirnya dinamakan Melaka. Lanjutan dari pelarian tersebut terjadilah tarikh pembukaan Melaka oleh baginda iaitu di sekitar tahun 1402.

#### ***Bibliografi & Sumber :***

***Buku Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek.***

#### **Sedikit sejarah ringkas Bumi Hang Tuah**

*Lokasi* : Pantai Barat Semenanjung Malaysia - Terletak di antara Negeri Sembilan di sebelah utara dan negeri Johor di sebelah selatan.

*Keluasan* : 1,651 km persegi

*Populasi* : 600,000 orang

*Pengenalan* :

Pada zaman dahulu yakni sekitar kurun yang ke-14, Melaka hanyalah sebuah perkampungan nelayan yang kecil. Lantaran tersebut, tiada siapa pun rakyat ketika itu yang menjangka bahawa, suatu hari nanti kawasan yang mereka duduki ketika itu akan menjadi sebuah empayar Kerajaan Melayu yang teragung dalam sejarah Tanah Melayu.

Sebagai sebuah perkampungan nelayan yang kecil, segala kegiatan ekonominya berkait rapat dengan ikan yang berjaya ditangkap di laut. Justeru itu, pertukaran barang hanya dapat dilaksanakan dengan

pedagang-pedagang yang singgah sama ada untuk mendapatkan bekalan air minum mahupun untuk berjual beli. Penduduk di sini akan menjual ikan yang telah dimasinkan untuk tujuan tersebut.

Namun begitu, perkembangan kampung nelayan ini menjadi begitu hebat selepas itu. Segalanya bermula apabila, seorang putera raja dari Palembang, Sumatera iaitu Parameswara tiba di kawasan tersebut dan menamakannya sebagai 'Melaka' bersempena nama pokok tempat baginda berteduh ketika mula-mula sampai di situ pada tahun 1402.

Bermula daripada detik bersejarah itulah, Melaka mulai bangkit dari sebuah perkampungan nelayan yang kecil lagi daif menjadi sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang masyhur sehingga ke serata pelosok dunia, dari Barat sehinggalah ke Timur. Akibat kemasyhuran tersebut membuatkan semakin ramai pedagang-pedagang dari India, Arab, China malah dari Eropah telah datang ke Melaka untuk memperdagangkan pelbagai barangan mereka. Apabila semakin ramai pedagang yang berkumpul, kegiatan ekonomi penduduk menjadi kian bertambah maju dari hari ke hari.

Selat Melaka yang sebelum ini tidak begitu sibuk sebagai laluan kapal-kapal dagang turut berubah situasi di mana ianya telah mulai bertukar menjadi sebuah laluan perdagangan yang tersibuk sekali di dunia. Hakikat ini dapat dirasai sehingga ke hari ini sehingga mencagunkan pula Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan tersibuk di rantau ini.

Namun begitu, menurut catatan sejarah, kemasyhuran dan kemakmuran Melaka ketika itu bukan sahaja telah mengundang ribuan para pedagang malah turut mengundang rasa geram dan minat para penjajah. Tujuan mereka amat busuk sekali iaitu mahu menguasai negeri tersebut. Setelah berjaya menguasai, tentulah kekayaan hasil dapat dikaut dan dibawa pulang ke negeri mereka.

Hakikat kenyataan ini telah dibuktikan oleh penyerangan penjajah Portugis iaitu pada tahun 1511. Bermula dengan Portugis pada 1511 tersebut, Melaka terus digerami oleh penjajah termasuk Belanda, Inggeris dan Jepun.

Sejarah sudah membuktikan bahawa Melaka pernah dijajah oleh empat kuasa besar ini suatu ketika dulu sehingga melumpuhkan sejenak kegiatan ekonomi para penduduk dan kerajaan negeri yang memerintah kala itu. Sejarah juga telah membuktikan bahawa kesan penjajahan kuasa-kuasa besar tersebut untuk lebih 400 tahun telah meninggalkan

kesan yang ketara di seluruh negeri Melaka, khususnya Bandar Melaka sehingga ke hari ini.

Kendatipun begitu, kesan-kesan sejarah tersebut telah menjadikan Melaka sebagai negeri tertua di Malaysia. Banyak monumen-monumen tinggalan penjajah tersebut yang dapat dilihat oleh generasi kini dalam usaha mengenalkan mereka dengan erti penjajahan.

Lantaran itulah, walaupun Bumi Hang Tuah atau Melaka ini merupakan negeri kedua terkecil di Malaysia, apa yang menjadikan ia lebih 'besar' dari negeri-negeri lain dan menjadi tumpuan daripada ramai para pengkaji ialah keagungan sejarahnya yang unik dan tersendiri.

Justeru memiliki keagungan sejarahnya yang tersendiri inilah pada 15 April 1989, Melaka telah diiktiraf sebagai Bandar Bersejarah dan pada 9 September 1996 pula, negeri ini telah diisytiharkan sebagai Negeri Bersejarah dan Berbudaya. Boleh dikatakan semua rakyat pelbilang kaum di Malaysia mengakui hakikat ini dan turut sama-sama berasa gembira dengan gelaran istimewa yang telah diberikan kepada Melaka ini.

Sesungguhnya, banyak sebab mengapa Melaka wajar dijoloki Bandar Bersejarah dan Negeri Bersejarah dan Berbudaya. Boleh dikatakan di seluruh pelosok negerinya terdapat kesan-kesan tinggalan sejarah yang menjadi khazanah berharga milik negara. Antaranya :

**BANDAR MELAKA** - Keseluruhan negeri Melaka memang kaya dengan peninggalan sejarah, lebih-lebih lagi Bandar Melaka yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan negeri. Bandar Melaka yang banyak menyimpan khazanah sejarah silam ini sebenarnya mempunyai pelbagai lagi daya tarikan kepada pelancong selain daripada tarikan sejarah. Negeri Melaka yang mengadap Selat Melaka mempunyai beberapa buah pantai yang menarik, antaranya pantai Pulau Besar dan Pulau Upeh.

Bagi pengunjung yang ingin melihat sendiri kesan-kesan sejarah di Melaka, bolehlah berkunjung dari mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan bas, kenderaan persendirian dan sebagainya.

**A FAMOSA** - sebuah monumen tinggalan sejarah yang amat tersohor sehingga kini. Sebagaimana yang kita tahu bahawa penjajah Portugis telah melebarkan kuasa menjajah mereka di Melaka hampir 100 tahun dan selepas itu ia terus dijajah oleh kuasa-kuasa besar lain seperti Belanda, Inggeris dan Jepun untuk tempoh hampir 400 tahun



◀ *A Famosa, atau Porta de Santiago, 1670*

pula. Sebagai penjajah yang pertama, kesan peninggalan Portugis masih ketara sehingga ke hari ini, baik dalam kehidupan seharian sebahagian penduduk negeri tersebut mahupun pada seni bina bangunannya. Malah kesan-kesan ini memainkan peranan yang amat penting dalam pengkajian sejarah negeri Melaka khususnya.

Salah satu peninggalan sejarah kerajaan Portugis yang paling terkemuka dan menjadi mercu tanda negeri Melaka sehingga hari ini ialah A Famosa. A Famosa sebenarnya sebahagian daripada sebuah kubu besar yang dibina oleh Portugis pada 1511 sebagai kubu pertahanan dari serangan musuh-musuh mereka ketika itu.

Kubu ini mengalami kemusnahan yang teruk terutama apabila Belanda mengambil alih negeri Melaka kerana mereka mahu memusnahkan semua kesan-kesan kerajaan Portugis sebelum itu. Menurut catatan sejarah, apa yang tinggal seperti hari ini hanyalah sebahagian daripada kubu tersebut yang berjaya diselamatkan oleh Sir Stamford Raffles pada 1808.

**BANGUNAN STADTHUYS** - sebuah lagi tinggalan penjajah yang unik lagi mengagumkan. Jika A Famosa menjadi kebanggaan penjajahan Portugis, bangunan Stadthuys pula adalah antara kesan penting tinggalan penjajah Belanda di Melaka. Menurut catatan sejarah setelah berjaya menjajah Melaka pada tahun 1641, Belanda telah membina Stadthuys pada tahun 1650 sebagai kediaman rasmi gabenor dan pegawai-pegawai kerajaan Belanda ketika itu.

Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil inisiatif memelihara bangunan ini mengikut bentuk asalnya. Bangunan ini masih terletak di Dataran Belanda ketika ini, merupakan contoh seni bina Belanda yang dianggap tertua di Asia. Kini bangunan yang terkenal dengan warna merah jambu itu dijadikan Muzium Sejarah yang memaparkan sejarah Melaka untuk tatapan semua rakyat Malaysia yang ingin mengetahui sejarah yang telah berlaku.



▲ *A Famosa* - dibina oleh Alfonso D'Albuquerque

**GEREJA BELANDA** - Sebuah lagi seni bina Belanda yang dianggap indah ialah bangunan Gereja Belanda atau Christ Church. Menurut catatan sejarah, gereja ini telah dibina pada 1753. Gereja ini begitu menarik kerana alang silingnya diperbuat hanya daripada sebatang pokok dan dipasang tanpa sebarang sambungan antara satu-satu sambungan. Selain dari itu, bangku panjang yang terdapat di dalam gereja ini diperbuat dengan tangan dan berusia lebih 200 tahun.

**GEREJA ST. PAUL** - Menurut catatan sejarah, gereja ini telah dibina oleh seorang kapten Portugis bernama Duarte Coelho. Pada awal pembinaannya, ia bertujuan untuk dijadikan gereja Khatolik utama di Melaka tetapi kemudiannya ia telah diubahsuai menjadi sebuah kubu dan seterusnya pula dijadikan tanah perkuburan untuk golongan bangsawan oleh pihak Belanda. St. Francis Xavier dikatakan pernah dikebumikan di tanah perkuburan ini sebelum jasadnya dipindah dan ditanam semula di Goa, India.

**MUZIUM KESENIAN MELAKA** - Muzium ini adalah contoh replika Istana Sultan Melaka yang telah dibina pada tahun 1985 dan terletak di bawah Bukit St Paul. Ia mempamerkan kehidupan di dalam istana yang sebenar pada zaman Kesultanan Melaka pada kurun yang ke 15.

BUKIT CINA - Menurut catatan sejarah, Bukit Cina pada satu ketika dahulu merupakan kawasan penempatan bagi orang-orang Cina yang datang dari Tanah Besar China sewaktu mengiringi Puteri Hang Li Po, yang diutus khas oleh Maharaja China ketika itu untuk dikahwinkan dengan Sultan Melaka sebagai lambang hubungan diplomatik antara kedua-dua kerajaan. Hari ini, Bukit Cina dianggap perkuburan orang-orang Cina yang terbesar di luar Negeri China dan ada di antara batu nisan yang terdapat di sini dianggarkan berusia sejak zaman Dinasti Ming.

MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN - Di sinilah, Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membaca dokumen pengisytiharan kemerdekaan negara pada bulan Februari 1956. Bangunan tersebut yang dahulunya merupakan bangunan Kelab Melaka, dibina pada 1912 dan kini dijadikan bangunan yang mempamerkan bahan-bahan sejarah perjuangan rakyat negara ini untuk mencapai kemerdekaan, dalam pelbagai bentuk seperti manuskrip, video, filem dan *slide*.

MAKAM HANG JEBAT - Sehingga ke hari ini, masyarakat di negara ini masih berdebat mengenai siapakah sebenarnya wira antara dua pahlawan Melaka yang terkenal iaitu Hang Tuah dan Hang Jebat. Masing-masing mempunyai persepsi tersendiri dalam mencegatkan ketokohan dua pahlawan ini.

Perkara ini terjadi apabila, Hang Tuah yang telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh baginda sultan di atas tuduhan berkelakuan sumbang dengan gundik raja, telah mendapat pembelaan daripada Hang Jebat yang menganggap perintah sultan itu satu kesilapan. Hang Jebat menuntut bela ke atas kematian Hang Tuah (Hang Tuah tidak dibunuh sebaliknya diselamatkan oleh Bendahara).

Demi menyelamatkan baginda sultan dan rakyat Melaka, Hang Tuah muncul kembali dan dimaafkan oleh baginda sultan tetapi Hang Tuah telah menganggap Hang Jebat menderhaka terhadap sultan walaupun menuntut bela di atas 'kematian' beliau sendiri. Lantaran itu berlakulah pertikaman antara Tuah dan Jebat selama tiga hari tiga malam, sebelum Jebat mati ditikam oleh Tuah.

Kini Makam Hang Jebat menjadi lambang kewujudan pahlawan Melaka ini, meskipun tidak ramai yang menganggap beliau sebagai seorang wira, berbanding dengan Hang Tuah. Ini hanyalah sebahagian daripada tempat-tempat bersejarah yang boleh ditemui di Melaka dan selain itu terdapat juga Gereja St. Francis Xavier, Kuil Cheng Hoon Teng



iaitu kuil Cina yang dianggap tertua di negara ini yang dibina pada 1646 serta Makam Hang Kasturi, seorang lagi pahlawan Melaka yang berjuang bersama-sama Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekir dan Hang Lekiu.

Selain itu terdapat juga Telaga Hang Li Po yang dibina pada tahun 1459 oleh pengikut Puteri Hang Li Po, Kubu St. John, Masjid Kampung Hulu iaitu salah sebuah masjid yang tertua di negara ini yang dibina pada tahun 1728, yang mana seni binanya tidak menyerupai mana-mana seni bina masjid lain di negara ini.

Melaka juga memiliki tarikan moden seperti Medan Pertunjukan Cahaya dan Bunyi di Padang Pahlawan, Bandar Hilir. Pertunjukan menarik ini memaparkan tentang sejarah negeri Melaka yang berusia 600 tahun melalui konsep cahaya, muzik dan penceritaan.

Jika Sarawak berbangga dengan Kampung Budaya yang memamerkan rumah-rumah tradisional suku kaum terbesar negeri itu, Melaka pula memiliki Mini Malaysia yang memamerkan rumah tradisional Melayu bagi kesemua 13 buah negeri di Malaysia.

Selain itu, destinasi menarik di Melaka ialah Hutan Rekreasi Air Keroh yang terletak 15 km di timur Bandar Melaka, Zoo Melaka yang dianggap antara zoo yang terbaik di negara ini dan Taman Rama-rama yang dianggap taman rama-rama dan serangga yang paling lengkap di dunia, Taman Buaya yang dianggap terbesar di negara ini, Muzium Kebudayaan Baba Nyonya, Mini Asean and Muzium Maritim.

Selain terkenal dengan peninggalan sejarahnya, Melaka turut terkenal sebagai destinasi membeli belah yang terkemuka dan salah sebuah pusat membeli belah yang terkemuka di Melaka ialah Mahkota Parade yang dibina menyerupai seni bina Belanda dan Portugis. Bangunan Mahkota Parade, setinggi tiga tingkat ini terpilih sebagai Pusat Beli Belah Terbaik pada 1994/95 mempunyai lebih 300 kedai, gelanggang boling, pusat hiburan keluarga dan pawagam mini.

Bagi penggemar barangan antik, Jonker Street atau turut dikenali sebagai Jalan Hang Jebat adalah tempat yang begitu terkenal dengan koleksi barangan antiknya. Kawasan ini memang terkenal di kalangan penggemar barangan antik dari seluruh dunia. Di sini pengunjung boleh menemui koleksi barangan antik yang antaranya berusia lebih dari 300 tahun, seperti barangan tembaga dari India, perabot kayu dari England dan almari yang diperbuat dari Belanda.

Seterusnya, sejarah telah mencatatkan bahawa keagungan kerajan Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16 adalah disebabkan

oleh kegiatan perdagangannya. Kegiatan ini merupakan satu pendapatan bagi kerajaan Melaka. Mengikut *Sejarah Melayu* versi tahun 1612, edisi 1961 halaman 81, 220 'Melaka digelar oleh orang Arab sebagai Malakat iaitu 'perhimpunan segala dagang'. Perdagangan merupakan warisan dan penerusan tradisi kerajaan Sriwijaya yang terletak di Palembang. Kerajaan ini terkenal sebagai pusat perdagangan.

Pemerintah Melaka iaitu Parameswara merupakan keturunan kerabat diraja Palembang. Parameswara telah berusaha menjadikan Melaka sebagai sebuah emporium Melayu pada abad ke 15. Melaka terkenal sebagai pusat perdagangan kerana terdapat faktor geografi iaitu kedudukan Selat Melaka iaitu di persimpangan jalan laut dari India dan China atau pun timur dan barat. Di sini fungsi Melaka iaitu sebagai perlabuhan persinggahan bagi kapal-kapal yang berulang alik melalui Selat Melaka.

Perlabuhan Melaka terlindung dari angin dan jauh dari paya bakau, pintu perlabuhannya cukup dalam untuk membolehkan kapal besar masuk berlabuh. Terdapat rangkaian hubungan dengan daerah pedalaman kerana Sungai Melaka telah membuka jalan kepada jalan dagang seberang semenanjung iaitu mengikut kawasan pengangkutan iaitu Penarikan yang bersambung ke jalan sungai Muar-Pahang iaitu membawa ke kawasan yang kaya dengan emas di Ulu Pahang.

Suasana iklim yang sihat juga dikatakan berperanan besar dalam menentukan perdagangan di Melaka. Terdapat dua jenis angin yang



bertiup iaitu angin monsun timur laut dan angin monsun barat daya di mana kedua-dua angin ini bertiup selama enam bulan dalam gilirannya tahunan. Oleh itu pedagang dari barat dan timur tidak pernah berjumpa akibat tiupan angin yang berlainan musim tadi

◀ Orang Portugis yang berjaya menawan Melaka pada tahun 1511.

Malah lalu-lintas laut ditentukan oleh angin monsun. Oleh itu mereka menjadikan Melaka sebagai tempat persinggahan iaitu meletak barang dagangan di gudang untuk diniagakan apabila pedagang lain tiba di Melaka pada monsun yang satu lagi. Sultan Melaka dikatakan telah menyediakan semua kemudahan fizikal dan material di pelabuhan entrepot contohnya raja Iskandar Syah telah menyediakan kemudahan, dorongan ke arah menjadikan Melaka pusat perdagangan seperti bendahara, syahbandar, laksamana dan penghulu bendahari.

Menurut catatan sejarah, Bendahara Seri Maharaja dikatakan sangat memelihara kebajikan pedagang. Terdapat empat orang syahbandar dilantik mewakili setiap bangsa seperti Gujerat, Jawa, China dan sebagainya. Tugas syahbandar mengawal ukuran dan timbangan, mengawasi perjalanan dan organisasi pasar dan gudang simpan barang dagangan serta keselamatan, dan menghakimi sebarang pertikaian yang timbul antara kapten kapal dengan saudagar.

Sejarah seterusnya mencatatkan juga bahawa Syahbandar juga dikenali sebagai raja pelabuhan. Melaka terkenal sebagai pusat perdagangan juga di atas bantuan dari orang laut. Orang laut lebih kurang empat puluh orang telah mengiringi Parameswara ketika berundur dari Singapura ke Melaka. Mereka ini menjaga keselamatan pertahanan dan perairan serta menentang lanun di Selat Melaka yang boleh menjejaskan keselamatan di perairan dan perdagangan.

Kepentingan orang laut kepada Melaka menyebabkan Melaka telah menakluki gugusan Riau Lingga yang dapat membekalkan orang laut untuk Melaka. Orang laut juga bertugas sebagai pendayung kapal perang tentera laut untuk tujuan penaklukan. Kepesatan perdagangan di Melaka terbukti melalui catatan perdagangan bangsa Portugis iaitu Tome Pires mengatakan bahawa setiap tahun terdapat sekurang-kurangnya 100 buah kapal yang besar dan kira-kira 30 hingga 40 buah kapal kecil ke pelabuhan Melaka dan pelabuhan Melaka begitu besar sehinggakan boleh menampung hampir dua ribu buah kapal yang bersaiz besar untuk sesuatu masa.

Kemudahan disediakan oleh pemerintah menurut Ma Huan dan Few Hsin terdapat gudang-gudang di bawah tanah dan gudang-gudang yang dikelilingi oleh pagar kayu dan pintu berkunci, dikawal oleh penjaga dan loceng akan dibunyikan apabila berlaku kecemasan. Melaka juga telah berjaya menakluki negeri-negeri di kepulauan Asia Tenggara. Penaklukan dibantu oleh orang laut, angkatan laut Melaka dengan wawasan ahli-ahli politik dan pentadbir Melaka seperti Seri Nara Diraja, bendahara Tun Perak dan Tun Mutahir.

Tujuan penaklukan untuk mendapatkan hasil perdagangan seperti Kelang, Selangor dan Kedah yang kaya dengan bijih timah. Bijih timah dicairkan dan dijadikan kepingan jongkong untuk di eksport. Siak dikuasai bagi membolehkan Melaka mengawal pengeluaran emasnya untuk dibawa ke Melaka bagi tukaran bahan perdagangan dengan saudagar asing. Kampar, Rokan ditakluki untuk mengawal eksport lada dan emas. Penjualan barang-barang dagangan di atas pondok sepanjang jambatan Melaka, jalan raya, pasar, lorong-lorong sepanjang rumah atau dibawa ke tempat lain di Nusantara untuk ditukarkan dengan barangan lain.

Pedagang ini akan dikenakan lesen oleh kerajaan yang merupakan pendapatan kerajaan. Pendapatan kerajaan ialah daripada cukai-cukai yang dikenakan kepada pedagang seperti cukai import sebanyak 6% daripada jumlah barang dagangan yang dibawa oleh pedagang dari India, Ceylon dan tanah Arab. 5 % dikenakan kepada pedagang dari China dan Jepun. Import bagi makanan dikecualikan kerana Melaka bukan negara pertanian.

Barang dagangan yang dibawa oleh pedagang dikenakan dua jenis bayaran import sebelum urus niaga dilakukan iaitu bayaran rasmi, dan bayaran tidak rasmi mesti diberikan kepada raja, bendahara, temenggung dan syahbandar.

Nilai bayaran ini antara 1 hingga 2% daripada nilai barang dagangan yang diimport. Urusan perniagaan mempunyai dua bentuk iaitu melalui sistem tukar barang dan menerusi proses perjualan dan pembelian. Wang logam digunakan dalam urusan jual beli dagangan. Semua ukuran dan timbangan dalam urus niaga adalah mengikut *old custom* peribumi.

Timbangan diukur dengan min unit tahil dan kati, sekat bersamaan 20 tahil. Setahil bersamaan dengan 16 mas, ukuran bahari digunakan juga untuk menimbang bahan-bahan seperti rempah, lada cengkkih dan sebagainya. Alat timbangan dikenali sebagai dacing.

Dalam tradisi Melaka, saudagar yang menghantar dan menyebarkan barangan untuk perdagangan disebut kiwi, saudagar yang menjadi wakil kiwi untuk berdagang di tempat lain disebut maula kiwi. Taraf Melaka sebagai pusat perdagangan melahirkan kelas masyarakat iaitu nakhoda yang mahir dalam selok belok perkapalan dan pintar berniaga, dikatakan seorang nakhoda yang mengelapai sebuah kapal yang belayar dengan menggunakan nama Melaka adalah raja di dalam kapal tersebut.

Nakhoda, kiwi dan maula kiwi mesti bekerjasama dalam urusan mereka. Menurut catatan sejarah, tempoh masa yang sibuk di Melaka antara bulan Disember dan Mac apabila kapal-kapal dari Asia Timur dan Timur jauh tiba. Bulan Mei sehingga September pedagang dari Jawa dan Timur Nusantara pula yang datang.

Pedagang Melayu terbahagi kepada dua pedagang yang berdagang secara kecil-kecilan banyak tertumpu di Sabak dan di sepanjang tebing Melaka. Pedagang yang berdagang secara besar-besaran tertumpu di kawasan elit iaitu di atas lereng bukit. Alat pengangkutan di laut yang digunakan ialah perahu, sampan, baluk, jong dan bahtera.

Fungsi Melaka sebagai pelabuhan entrepot iaitu sebagai pusat pengumpulan dagangan dan urusan penyebaran bahan-bahan dari kepelbagaian tempat dan dijadikan pihak antara pedagang dari timur dan nusantara. Negeri yang mengadakan hubungan perdagangan dengan Melaka seperti Pedir menghantar lada dan beras menerusi Pasai ke Melaka. Bengkalis membekalkan ikan kering dan terubuk. Sementara kapur barus pula akan dibawa oleh para saudagar yang lain.

Kebanyakan barang-barang ini ditukarkan dengan kain-kain belacu yang dibawa dari Gujerat dan Kalingga. Palembang membekalkan hamba untuk didagangkan di Melaka. Saudagar dari China membawa permata, sutera, tembikar mewah ke Melaka untuk dipasarkan ke Eropah. Saudagar China membawa balik lada gaharu, candu, rempah dan bahan-bahan hutan dari nusantara.

Terhadap saudagar dari Kepulauan Liu Kiu, Tome Pires menyebut mereka sebagai Gores, manakala ditaksirkan pula oleh Boxer sebagai Jepun. Dagangan mereka iaitu kain sutera, tembikar, kapas di Melaka ditukarkan dengan rempah, arak dan kain dari Benggala.

Dari kepulauan Benggala iaitu pedagang-pedagang Arab, Parsi, Turki Absinia membawa makanan, beras, gula yang akan ditukarkan di Melaka bagi membeli lada, jagung dan sutera. Kepesatan perdagangan telah menarik minat Portugis di bawah pimpinan Alfonso De Albuquerque dan minat beliau yang mendalam itu telah terbukti dengan berjaya menakluki Melaka pada tahun 1511.

Sejarah menunjukkan bahawa selepas kejatuhan Melaka, tidak lagi berperanan sebagai pusat perdagangan yang terkemuka. Di samping berperanan sebagai pusat perdagangan, Melaka juga terkenal sebagai pusat penyebaran agama Islam di rantau ini. Mengikut Sejarah Melayu, Raja Kecil Besar iaitu Sultan Melaka yang keempat telah memeluk agama Islam melalui mimpi.

Pengislaman baginda kononnya telah dilakukan oleh Nabiy Muhammad saw. Selepas memeluk agama Islam, Raja Kecil Besanegeri telah belajar tentang hal ehwal agama Islam seperti sembahyang daripada katak dan Makhdum Abdul Aziz dan mulai memakai gelaran Sultan Mahmudnegeri-Syah. Manakala pencatat Cina yang bernama Ma Huan telah mengata dari jajan bahwa Megat Iskandar Syah yang memeluk Islam ketika usianya seteru sudah lanjut.

Menurut catatan sejarah, sebelum kedatangan Islam rakyat Melaka dipercayai beragama Hindu-Buddha. Kedatangan agama Islam bang, r ke Melaka berlaku apabila pendakwah dari Tanah Arab iaitu Sheikh dalam Abdul Aziz datang ke Melaka menerusi jalan laut kerana Melaka berada di kawasan persisiran laut.

Asal-usul kedatangan Islam ke alam Melayu ditentukan oleh juru ni cara maritim kawasan yang menerima pengaruh agama iaitu kawasan Mekah persisiran. Kemudahan perjalanan seperti ini membolehkan agama Mahmud Islam dari Melaka tersebar lebih jauh ke bahagian utara pesisir Pulau Jawa, Kepulauan Sulu dan Brunei. Melaka berperanan menyebarkan dengan agama Islam kerana adanya faktor-faktor tertentu.

Di antaranya ialah peranan sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah di pedaga mana baginda telah berusaha mengukuh dan menyebarkan agama dijual Islam di Melaka dan kawasan berhampiran dengannya. Sultan Muzafar baru ya menjadikan hukum Islam sebagai asas pemerintahan baginda. Kumpulan dakwah pula telah berusaha mengajar hukum Islam dan dengan ini dapat membentuk dan meningkatkan lagi kefahaman tentang agama Islam secara syumul.

Tambahan, pula baginda Sultan Muzaffar telah memberikan galakan kepada pendakwah bagi melaksanakan rancangan untuk mengembangkan Islam. Antara pendakwah yang terdapat pada waktu itu iaitu Kadi Melawar, Sayid Abdul Aziz, Maulana Abdul Sadar dan sebagainya. Mereka ini berasal dari Tanah Arab.

Semasa pemerintahan Sultan Mansor Syah, dakwah Islamiah telah berkembang dengan meluas ke seluruh Asia Tenggara terutamanya ke Gugusan Kepulauan Melayu. Pendakwah dari Melaka telah pergi ke Pulau Jawa, Pulau Borneo dan sebahagian selatan Filipina untuk menyebarkan agama Islam. Terdapat pedagang yang datang ke Melaka turut mempelajari agama Islam semasa berdagang, kemudian menyebarkan pula ke negeri masing-masing.


Dasar perluasan kuasa juga membantu mengembang dan

menyebarkan agama Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan negeri di Sumatera seperti Johor, Pahang, Rokan dan Inderagiri. Di sini dikatakan kebanyakan penduduknya beragama Islam. Terdapat juga negeri-negeri yang secara sukarela meminta untuk menjadi sebahagian dari jajahan takluk Melaka seperti Kedah, Pattani dan lain-lainnya seterusnya menerima dan memeluk Islam.

Ulama juga dikatakan berperanan besar dalam usaha memperkembang serta menyebarkan agama Islam. Setelah Islam berkembang, mereka memperluas serta memperdalamkan lagi pengajaran di dalam bidang tafsir, hadis dan tasawuf. Ulama juga bertugas sebagai muallim atau guru agama, kadi dan pendeta tasawuf.

Selain menjadi guru agama, mereka juga bertugas sebagai imam, juru nikah serta khatib. Antaranya ialah Maulana Abu Bakar dari Mekah yang telah menjadi guru agama kepada Sultan Mansor. Sultan Mahmud pula berguru dengan Makhдум Sadar Jahan. Jadi di sini bolehlah dikatakan bahawa ulama mempunyai hubungan yang baik dengan sultan.

Penyebaran agama Islam di wilayah nusantara berlaku apabila pedagang-pedagang dari nusantara yang membawa dagangan untuk dijual di Melaka melihat Islam dalam amalannya dan martabat gelaran baru yang diambil oleh raja (sultan) dan pembesarnya. Perubahan ini



▲ Melaka tahun 1824

diberitahu kepada raja negeri mereka yang bersedia mencontohi Kesultanan Melaka yang kaya-kaya dan bersedia memeluk Islam.

Perkembangan agama Islam di Melaka boleh dilihat melalui contoh-contoh berikut. Menurut catatan sejarah, Melaka yang terkenal sebagai pusat agama Islam telah menarik minat seorang ilmu tasawuf iaitu Maulana Abu Isyak yang telah menghantar Maulana Abu Bakar dengan membawa kitab *Darul Mazlum* untuk diajarkan kepada raja dan rakyat Melaka. Beliau amat dihormati oleh Sultan Mansor Syah.

Kitab ini telah diertikan oleh Makhдум Patakan di Pasai. Sultan Mansor Syah telah menghantar Tun Bija Wangsa Pasai untuk menanyakan masalah tentang isi syurga dan neraka dan kekalkah ke dalam syurga atau neraka. Persoalan ini telah berjaya dijawab oleh Makhдум Muda dengan jawapan yang amat memuaskan hati baginda. Lantaran itu, undang-undang Islam telah dilaksanakan di Melaka semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah. Sebagai contohnya, jika seseorang itu mencuri, tangannya akan dipotong.

Menurut catatan sejarah, terdapat dua jenis undang-undang di Melaka yang didasarkan kepada undang-undang syariah dan undang-undang adat iaitu Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Undang-undang ini meliputi semua tanah, sungai, dusun dan tanah jajahan Melaka. Sementara undang-undang laut Melaka pula meliputi perusahaan perkapalan, perdagangan dan sebagainya.

Dengan kedatangan Islam tersebut, kerajaan Melaka telah memperkenalkan tulisan jawi. Tulisan jawi digunakan dalam penulisan kitab agama seperti *Darul Mazlum*, bagi penulisan surat menyurat diraja, hukum kanun dan juga surat peribadi. Dikatakan hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah ditulis dalam tulisan jawi.

Bahasa dan kesusasteraan Melayu juga berkembang melalui tulisan jawi. Terdapat pelbagai karya kesusasteraan yang dihasilkan pada zaman Melaka sama ada karya asli ataupun diterjemahkan dari bahasa Parsi dan Arab. Kitab-kitab yang terdapat di Melaka ialah seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Hikayat-hikayat ini digunakan oleh orang Melaka semasa menentang Portugis bagi menaikkan semangat perjuangan mereka.

Sultan Melaka dikatakan telah menjadikan istana baginda sebagai sebuah perpustakaan untuk pengajian Islam. Terdapat kitab-kitab di istana baginda yang telah dijadikan bahan bacaan dan rujukan untuk dikaji oleh pendakwah dan alim ulama. Cara hidup dan pergaulan



rakyat Melaka mulai berubah setelah kedatangan Islam di mana kegiatan keagamaan seperti muzakarah dan ceramah nyalat diadakan.

Perayaan seperti Hari Raya Puasa telah disambut dengan meriah. Sementara majlis perkahwinan, pertabalatan dan kenduri kendara turut dijalankan mengikut ajaran agama. Mereka juga membaca al-Quran dan mempelajari ilmu tafsir Kitab Suci tersebut. Sesungguhnya, keagungan dan kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam pada abad ke 15 dan awal abad ke -16 memang tidak dinafikan.

Keagungan Melaka mulai merosot setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 dan Aceh pula telah menggantikan Melaka sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam di rantau Asia Tenggara.

Menurut catatan buku *Sejarah Melayu*, salah satu sumber sejarah tanah air yang mencatatkan pembukaan Melaka ialah *Sejarah Melayu* versi Shellabear. Walaupun sumber ini tidak memberi tarikh Melaka dibuka, namun fakta-fakta yang terkandung di dalamnya dapat membantu ahli sejarah memahami keadaan di peringkat awal pembukaan Melaka.

Mengikut *Sejarah Melayu* itu seterusnya, Melaka dibuka oleh Raja Iskandar Shah, seorang putera raja dari Singapura. Akibat serangan oleh Majapahit, beliau melarikan diri ke Muar. Dari Muar, beliau berpindah ke suatu tempat dan mendirikan kota yang dikenali sebagai Kota Burok kemudian beliau berpindah lagi ke Sening Ujong. Setelah berada di Sening Ujong, beliau melantik seorang menteri mewakili dirinya di situ. Beliau kemudiannya tiba ke Sungai Bertam iaitu sebuah kawasan persisiran pantai.

Sewaktu beliau berehat di bawah sepohon kayu, anjing buruan beliau telah diterajang oleh seekor pelanduk yang berwarna putih. Sempena peristiwa yang aneh itu, beliau memerintahkan pengikutnya mendirikan negeri yang kemudiannya dikenali sebagai Melaka, sempena nama pokok tempat beliau bersandar.

Menurut *Suma Oriental* pula, nama 'Iskandar Shah' yang disebut sebagai raja yang membuka Melaka dalam *Sejarah Melayu* tidak terdapat dalam tulisan Tome Pires. Sebaliknya Parameswara iaitu Raja Palembang ditonjolkan sebagai tokoh yang membuka Melaka. Sumber ini menyingkap sejarah kemunculan Parameswara sebagai raja Palembang menggantikan ayahandanya iaitu Raja Sam Agi. Beliau diserang oleh Raja Jawa, Batara Tamavill akibat menggelarkan dirinya sebagai 'Mjeura' yang bermaksud 'orang yang berani'. Ekoran daripada itu, beliau telah melarikan diri ke Singapura.

Setelah membunuh wakil Raja Siam di Singapura, beliau menjadi pemerintah palsu tersebut selama 5 tahun. Oleh kerana bimbang diserang oleh Raja Siam, beliau dengan 1,000 orang pengikutnya telah melarikan diri ke Muar. Beliau menetap di sana selama 6 tahun iaitu ketika itu orang-orang Seletar mendiami Melaka.

Orang-orang Seletar kemudiannya meminta Parameswara mendiami Melaka dan memohon supaya beliau menjadi raja di sana. Beliau bersetuju dengan permintaan tersebut lalu diangkat sebagai raja di Bertam.

#### **Bibliografi & Sumber Rujukan:**

1. *Satu Kajian Menentukan Tapak Pendaratan Parameswara. (Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka)*
2. **O.W Wolters**, *Studying Srivijaya*, **JMBRAS, LXII, ii, 1944**, hlm 1-32  
**Wang Gungwu**, *The First Three Rulers Of Melaka*, **JMBRAS, XLI, 1968**, halaman 11-22
3. **Meilink Roelofs**, *Asian Trade and Eropean Influence in the Indonesia Archipelago Between 1500 and About 1630*, **The Hague, 1962**, halaman 36-40
4. **Armando Cortesao (ed)** *The Suma Oriental of Tome Pires*, **Jilid 11**, **Hakluyt Society, London 1944**, halaman 254-255
5. **R.O Winstedt**, *History Of Malaya*, **JMBRAS, XIII, I, 1935**, hlm 42,  
**W.W. Rockhill**, *Notes on the relations*, **Toung Pao, XVI, 1915**, 117. Hal ini diterangkan dengan jelas dalam fasal 10, **Undang-Undang Laut Melaka Winstedt dan De Jong (eds)** *Maritime Laws*, halaman 39
6. **Ibid**, halaman 276-277, **C.R. Boxer**, *Fdalgos In The Far East*, 1550-1770
7. **Syed Muhammad Naquib al-Attas**, *Preliminary statement on the general theory of the Islamization on the Malay, Indonesiian Archipelago*, **Kuala Lumpur, 1969**, halaman 5-6.
8. **Barbara Wantos Andaya dan Leonard Y. Andaya**, *Sejarah Malaysia*, **Publishers Macmillan Sdn. Bhd. terbitan pertama edisi BM 1983**
9. **Khoo Kay Kim, Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, Muhd. Yusuf Ibrahim, Amin Hassan dan Zainal Abidin Abdul Wahid**, *Malaysia Warisan dan Perkembangannya*, **DBP, Kuala Lumpur, 1992**
10. **Muhd Yusof Hashim**, *Kesultanan Melayu Melaka*, **DBP, Kuala Lumpur 1990 cetakan ke-2**
11. **W.G. Shellabear**, *Sejarah Melayu*, **Fajar Bakti, 1975**

## Bumi Hang Tuah Zaman Penjajahan

### 1. *Penjajahan Portugis*

Pemberontakan menentang penjajah tidak terbatas kepada satu golongan sahaja tetapi ianya mempunyai kaitan dengan setiap penjajah yang datang ke negeri ini silih berganti. Menurut catatan sejarah, Melaka telah menghadapi empat serangan yang ingin menawan negeri ini iaitu Portugis, Belanda, Inggeris dan juga Jepun.

Portugis telah menyerang Melaka pada tahun 1511 Masehi sehingga 1640 Masehi. Tujuan Portugis bertapak di Melaka bukan sahaja untuk mencari kawasan perdagangan tetapi untuk mengembangkan agama Kristian. Menurut riwayat, mereka juga telah memaksa orang-orang Melayu memeluk agama Kristian di samping menikahi perempuan-perempuan Melayu secara paksa. Terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa askar-askar Portugis telah memperkosa isteri-isteri perajurit di hadapan suami mereka sendiri dengan begitu biadap sekali.

Kezaliman yang ditunjukkan oleh Portugis telah menjadi satu dendam di dalam diri masyarakat Melayu ketika itu. Portugis juga dikatakan telah memaksa orang-orang Melayu supaya menjadi buruh paksa terutama bagi mendirikan Kota Melaka. Mereka tidak menghiraukan langsung soal kebajikan buruh-buruh ini. Tidak kurang juga terdapatnya paksaan dalam membina gereja-gereja di Melaka.

Menurut catatan sejarah, sewaktu pemerintahan Portugis, orang-orang Melayu yang dilantik memerintah Melaka hanya sebagai boneka sahaja. Akhirnya Portugis telah kalah di tangan Belanda yang mula menyerang Melaka pada tahun 1640 Masehi.

'Melaka ialah sebuah pelabuhan yang terkaya sekali dengan ramainya pedagang-pedagang yang berjual beli secara borong dan banyaknya perkhidmatan perkapalan yang datang dari seluruh dunia'. Begitulah pandangan seorang pengarang Portugis mengenai Melaka.

Lantaran sebagai pusat perdagangan dan negeri terkaya, banyaklah kuasa yang cuba mendapatkan Melaka untuk menguasai kekayaan tersebut. Negeri Melaka amatlah strategik kerana terletak di antara perjalanan timur dan barat yang melalui Selat Melaka.

Menurut pengkaji sejarah, kedatangan Portugis ke Melaka walaupun pada asalnya adalah untuk berdagang tetapi matlamat di sebaliknya kedatangan mereka adalah untuk menakluki Melaka seperti

yang mereka lakukan untuk campur tangan di atas sesebuah negeri. Penaklukan mereka juga adalah berdasarkan ekonomi kerana tujuan mereka ialah untuk menggunakan pelabuhan itu sebagai pengkalan untuk mengawal kuasa perdagangan.

Sejarah telah meriwayatkan bahawa mereka telah berjaya menakluki Melaka dan mendudukinya selama 130 tahun iaitu dari tahun 1511 sehingga ke tahun 1641. Ketika menjajah Melaka, terdapat beberapa tentangan dari orang-orang Melayu yang cuba mendapatkan kembali negeri Melaka dari jajahan Portugis, 'Negeri Melaka telah diperintah oleh orang Portugis selama 130 tahun tetapi di dalam pemerintahannya peperangan tiadalah berhenti di antara Melaka dengan pemerintahan gagasan pulau-pulau Melayu.'

Selain kesultanan Melaka, orang Melayu Johor dan Pahang, Aceh juga berminat untuk mendapatkan Melaka dan memerangi Portugis di Melaka termasuklah Belanda yang mendapatkan bantuan dari Johor.

Semasa Sultan Mahmud Shah memerintah Melaka iaitu dari tahun 1488 sehingga ke tahun 1511, telah dibantu oleh Bendahara Seri Maharaja (Tun Mutahir). Portugis telah datang ke Melaka pada 11 September 1509 dengan lima buah kapal yang diketuai oleh Diego Lopez De Sequeira. Setelah berlabuh di perairan Melaka, Sequeira telah menyuruh seorang pegawainya yang bernama Texeira untuk menyampaikan hadiah dari Raja Portugal, King Emmanuel kepada baginda sultan.

Kapten kapal itu pun segera mempersembahkan kepada Bendahara Seri Maharaja seutas rantai emas bertatahkan permata. Menurut riwayat, beliau sendiri yang memasukkan rantai tersebut pada leher Bendahara Seri Maharaja. Dikatakan Portugis hendak menjalankan perniagaan di Melaka, tetapi saudagar Gujerat yang mengetahui perihal sebenar Portugis di India telah menghasut bendahara agar menangkap orang-orang Portugis tersebut.

Lantaran percayakan saudagar Gujerat, seramai 18 orang Portugis telah ditangkap termasuklah Ruy De Arango. Namun begitu, Diego Lopez De Sequeira tidak ditangkap. Pada tahun 1510, telah terjadi perselisihan faham antara Sultan Mahmud Shah dengan Bendahara Seri Maharaja apabila bendahara mengahwinkan anaknya Tun Fatimah dengan Tun Ali tanpa mendapat keizinan daripada sultan terlebih dahulu.

Perbuatan bendahara ini telah menyebabkan sultan amat berdendam dan dendam ini semakin membara apabila Raja Mudeliar dan Kitul memberi rasuah kepada Laksamana Khoja Hassan dan menfitnah bendahara. Kononnya bendahara hendak merampas takhta kerajaan Melaka dari Sultan Mahmud Shah. Lantaran fitnah tersebut, Bendahara Seri Maharaja dan keluarganya telah dihukum bunuh kecuali Tun Fatimah dan Tun Hamzah (masih kecil).

Menurut riwayat, kematian Bendahara Tun Mutahir merupakan faktor kelemahan Melaka kerana beliau merupakan tulang belakang Melaka pada masa itu. Ini dapat dibuktikan berdasarkan ungkapan di dalam *Sejarah Melayu* yang menyebutkan bahawa : 'pada bicara kita, tiada akan alah Melaka jikalau ada lagi Bendahara Seri Maharaja berapa pun besar angkatan menyerang Melaka tiada akan alah'.

Penangkapan 18 orang Portugis oleh bendahara juga menyebabkan Raja Portugal telah membantu Diego Mendez De Vanconcelos ke Melaka dalam hasrat membebaskan kembali orang-orang Portugis yang ditangkap tersebut. Vanconcelos telah singgah di Goa yang pada ketika itu wizurainya ialah Alfonso De Albuquerque.

Alfonso menahan Vanconcelos untuk menyerang Melaka kerana angkatan perangnya yang sedikit dan tidak kuat untuk menawan Melaka. Oleh itu, Alfonso sendiri telah bertolak dari India (Kocin) dengan sebuah kapal yang bernama Flor De La Mar bersama 18 buah kapal yang lain, 800 orang Portugis dan 600 orang India pada bulan Mei 1510. Beliau telah singgah di Pidir (Pidie) kemudian ke Pasai sebelum ke Melaka .

Beliau tiba di Melaka pada Julai 1511 dan segera menghantar utusan meminta supaya Sultan Melaka membebaskan orang Portugis dan membayar ganti rugi kepada orang Portugis tersebut dengan menggunakan harta pusaka Bendahara Tun Mutahir. Orang Portugis telah membakar semua kapal yang berlabuh di pelabuhan Melaka kecuali kapal orang India dan lima buah kapal orang Cina kerana Cina menawarkan bantuan untuk membantu Portugis menawan Melaka. Peperangan pun berlaku dan Melaka pada masa itu dikatakan mempunyai 20,000 askar upahan dan 20 ekor gajah.

Orang Portugis mempunyai perancangan yang jitu dan ber sistematik untuk menakluki Melaka dengan cara;

- ♦ Menawan jambatan yang berhampiran dengan Kuala Sungai Melaka. Dengan cara ini orang Melaka akan terpecah dua.

“Orang Portugis sangat mengetahui kegunaan titi itu, maka dengan seberapa daya mereka mencuba merobohkannya. Apabila telah dekat, titi itu pun ditembak mereka lalu roboh maka susahlah orang Melayu yang di Bukit Melaka hendak berhubung dengan orang Melayu di bandar Melaka.”

- ◆ Mendarat dan menyerang dari dua tempat iaitu dari Selat Melaka dan dari Utara Melaka.

Orang Melaka pula telah dibacakan *Hikayat Amir Hamzah* untuk menikkan semangat mereka. Serangan-serangan orang Portugis berlaku pada 25 Julai 1511, pada masa ini orang Melaka dapat mempertahankan negeri mereka dari serangan orang Portugis apabila orang Portugis gagal menawan jambatan Melaka. Pada 10 Ogos 1511 orang Portugis menyerang Melaka lagi dan hanya pada 24 Ogos 1511 barulah orang Portugis tersebut telah berjaya menawan Melaka.

Setelah Melaka jatuh ke tangan orang Portugis, Sultan Ahmad yang pada ketika itu memerintah Melaka telah berundur ke Bentayan manakala Sultan Mahmud pula ke Kota Hampar. Walaupun Portugis telah menawan Melaka tetapi mereka masih lagi menghantar pasukan tentera untuk menyerang Sultan Mahmud kerana pada pendapat mereka selagi Sultan Mahmud memerintah selagi itulah mereka tidak akan duduk diam. Hakikat ini dapat dibuktikan apabila orang-orang Melayu telah melancarkan beberapa siri serangan ke atas Portugis pada;

- ◆ Julai 1512 - Diketuai oleh Laksamana Hang Nadim, orang Melayu telah menyerang tetapi orang Portugis dapat mempertahankan Melaka.
- ◆ Antara 1510 - 1518 - orang Melayu di bawah kepimpinan Sultan Mahmud telah menyerang Melaka beberapa kali. Serangan ini juga telah diketuai oleh Laksamana Hang Nadim.
- ◆ Beberapa kali serangan telah dilakukan ke atas Melaka, ini menunjukkan bahawa orang Melayu tidak akan mendiampikan diri selagi Melaka berada di tangan orang Portugis. Namun demikian serangan demi serangan yang telah dilakukan, orang Portugis masih tidak dapat dihalau keluar dari bumi Melaka kerana mereka memiliki kota yang amat kukuh untuk ditembusi.
- ◆ 1519 - orang Melayu telah menyekat makanan supaya tidak sampai ke Melaka dan memaksa Portugis mendapatkan bantuan dari Burma.
- ◆ 1520 - Di bawah Paduka Tuan dan Sultan Abdul Jalil (Raja Kampar) orang Melayu telah menyerang Portugis di Melaka.

Lantaran siri serangan inilah maka orang Portugis telah mengambil pula tindakan menyerang balas orang Melayu di bawah pimpinan Sultan Mahmud, iaitu;

- ◆ Setelah Sultan Mahmud berundur ke Kota Hampar, orang Portugis telah menyerang Kota Hampar dan memaksa Sultan Mahmud berundur pula ke Pagoh.
- ◆ Pada akhir tahun 1511 - Portugis telah menyerang Pagoh dengan kekuatan 1300 orang tentera
- ◆ Pada bulan Julai/Ogos tahun 1512 - Portugis telah menyerang Pagoh diketuai oleh Fernao Peres De Andrade
- ◆ Pada tahun 1519 - Portugis telah menyerang Pagoh diketuai oleh Duarte De Millo
- ◆ Pada tahun 1520 - Portugis telah menyerang Pagoh diketuai oleh Garcia De Sa
- ◆ Pada tahun 1521 - 18 buah kapal dan 600 orang askar diketuai oleh Jeorge De Albuquerque telah menyerang Bentan
- ◆ Pada tahun 1523, 1524 dan 1526 - Portugis telah menyerang Bentan

Oleh kerana siri serangan orang Portugis ini sering saja berlaku, telah menyebabkan Sultan Mahmud beberapa kali terpaksa berundur. Apabila diserang di Pagoh buat kali pertama Sultan Mahmud terpaksa berundur ke Pahang dan kemudiannya ke Lubuk Batu. Menurut catatan sejarah, di sinilah Bendahara Tepok meninggal dunia dan digelar 'Bendahara Lubuk Batu' kemudian Sultan Mahmud telah berundur pula ke Pulau Bentan dan seterusnya patah balik ke Pagoh dan apabila diserang lagi oleh Portugis, Sultan Mahmud seterusnya berundur pula ke Muar pada tahun 1513-1519.

Sultan Mahmud bersemayam di Bentan dan di sinilah Raja Muzaffar (anak Sultan Mahmud dengan Onang Kening) dikahwinkan dengan Tun Terang ( anak Tun Fatimah dengan Tun Ali), Raja Ali (anak Sultan Mahmud dengan Tun Fatimah) pula dilantik sebagai pengganti Sultan Mahmud.

Setakat ini dikatakan bahawa perlantikan Raja Ali menjadi pengganti adalah di atas desakan Tun Fatimah yang tidak mahu melahirkan anak sultan kerana mengenangkan pembunuhan ayahnya Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang dihukum bunuh oleh sultan lantaran fitnah yang dicituskan oleh pembesar dan saudagar. Manakala Sultan Ahmad pula telah meninggal dunia dan ada pendapat mengatakan

bahawa baginda dibunuh untuk memberi laluan kepada Raja Ali menjadi sultan.

Kemudian didapati bahawa Sultan Ahmad, Putera Sultan Mahmud dengan Puteri Raja Pahang dibunuh atas alasan yang ampincang' dan dari Bentan Sultan Mahmud berundur ke Kampar dan mangkat di Kampar pada 1528 dan dikenali sebagai 'Marhum Mangkat Di Kampar'. Sejak itu Raja Ali menjadi Sultan Johor dan memakmal gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II.

Pada tahun 1533, Sang Naya yakni seorang rakyat Johor dari Melaka telah cuba menyerang Portugis dari dalam Melaka semasa perjajahan tersebut pergi ke gereja. Tetapi rancangannya diketahui lalu dia telah dibunuh dengan cara menjatuhkannya dari menara bangunan. Perbuatan ini menyebabkan Sultan Johor pada masa itu amat marah.

Oleh sebab itu, Estavao Da Gama yakni anak kepada Vasco Da Gama telah menghantar wakil ke Johor untuk menjelaskan pembunuhan Sang Naya tetapi wakil itu telah ditangkap lalu disuruh memanjat pokok yang tinggi kemudian dia telah ditolak ke bawah lalu mati di situ juga.

Lantaran peristiwa tersebut, pada bulan Jun 1533 Portugis dengan dua buah kapal dan 400 orang askar yang diketuai oleh Estavao telah menyerang Johor dan memaksa sultannya berundur ke Sayung.

Penyerangan ini menyebabkan orang Melayu marah dan menyerang kapal Portugis yang lalu di perairan Johor. Pada tahun 1533 Portugis telah menyerang Sayung. Di dalam serangan ini mereka telah menang dan dengan kekalahan ini telah memaksa sultan untuk berdamai. Pada bulan Januari 1551, dengan bantuan Perak dan Pahang Johor telah menyerang Portugis dengan kelengkapan 200 buah perahu dan 5000 orang askar.

Menurut catatan sejarah, mereka telah mengepung Melaka selama tiga bulan tetapi gagal setelah Portugis merancang menyerang Perak dan Pahang serta Johor dan ini mendesak ketiga-tiga negeri tersebut terpaksa berundur dan mempertahankan negeri mereka masing-masing. Sejak itu Johor tidak lagi menghantar misi semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II.

Dan pada tahun 1564 Sultan Alauddin Riayat Shah al-Qahhat telah meniadakan Sultan Aceh, telah menyerang Johor dan menawan Sultan Alauddin dan keluarganya. Baginda telah dihukum bunuh dan pembunuhan ini dikenali sebagai 'Marhum Syahid Mangkat di Aceh. Padang pa



tahun 1570/71, Sultan Umar yang berasal dari negeri Pahang yakni Putera Raja Ahmad dengan Puteri Puspa Dewi telah dilantik menjadi Sultan Johor. Baginda bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah II dan baginda telah melantik Tun Seri Lanang menjadi Bendahara Johor. Baginda telah mendirikan kerajaan di Johor Lama.

Semasa pemerintahan Sultan Ali terdapat beberapa siri serangan orang Johor ke atas Melaka, iaitu;

- ◆ Pada tahun 1577 - Johor telah membantu Aceh menyerang Portugis, pada masa ini hubungan Johor dengan Aceh adalah baik.
- ◆ Pada tahun 1587 - Sultan Ali telah menyerang Portugis di Melaka tetapi gagal.

Kerana siri serangan Johor ini maka Portugis juga telah melancarkan siri serangannya ke atas Johor, iaitu;

- ◆ Pada tahun 1576 - Portugis telah menyerang Johor Lama tetapi gagal
- ◆ Pada tahun 1578 - Portugis sekali lagi telah menyerang Johor Lama tetapi sekali lagi gagal kerana pada masa ini Johor dan Aceh bersahabat baik dan Johor dibantu oleh Aceh mempertahankan Johor.
- ◆ Pada bulan Julai tahun 1587 - Portugis telah menyerang Johor dan pertempuran di Sungai Johor dan pada masa ini Johor kalah tetapi oleh kerana orang Portugis ghairah untuk menyerang maka pasukannya terpecah dua lalu diserang balik oleh orang Johor dan akhirnya Portugis kembali ke Melaka.
- ◆ Pada tanggal 15 Ogos 1587 - Portugis di bawah Poula De Lima telah menyerang Johor Lama dan Kota Batu dengan kekuatan 600 orang askar dan masa ini Johor dengan kekuatan 8000 orang askar. Di dalam pertempuran ini Johor telah kalah dan Portugis telah berjaya merampas 800 buah meriam gangsa, emas, perak dan 1200 buah perahu.
- ◆ Pada tahun 1589 - pasukan Portugis di bawah pimpinan Francisco Da Souza Pereira telah menyerang Batu Sawar dan mengalahkan Johor serta merampas 20 buah meriam.

Setelah beberapa kali diserang dan menyerang maka Sultan Ali telah melaksanakan beberapa cara untuk mempertahankan negerinya iaitu pada tahun 1582 baginda telah bersahabat dengan Portugis untuk mempertahankan Johor dari serangan Sultan Alauddin Mansur Shah yang pada masa itu menjadi Sultan Aceh (1577-1585).

Apabila Sultan Alauddin Mansur mahu Johor di bawah pemerintahan Aceh pada tahun 1587, Sultan Ali bersemayam di Batu Sawar dan mangkat pada 1597 di Batu Sawar juga dan dikenali sebagai 'Marhum Mangkat di Batu Sawar'.

Apabila Aceh diserang oleh Portugis pada bulan Mei tahun 1521, Aceh juga telah menjalankan siri serangannya yang tersendiri ke atas Portugis di Melaka dan Johor dan di sinilah dikatakan permulanya perang tiga segi telah berlaku antara Portugis-Johor-Acheh.

Namun, ada pendapat mengatakan bahawa Aceh menyerang Portugis dengan hasrat untuk membebaskan negeri Islam tersebut dari orang-orang kafir seperti yang dinyatakan oleh Lee Kam Heng, yang berbunyi : 'Perbalahan antara orang-orang Aceh dengan orang Portugis itu hampir-hampir merupakan peperangan agama', antara siri serangan Aceh ialah;

- ◆ Pada tahun 1537 dan 1547 - Sultan Alauddin al-Qahhar telah menyerang Portugis di Melaka tetapi gagal
- ◆ Pada tahun 1539 - perang antara Johor dan Aceh telah berlaku apabila Aceh mengalahkan Aru dan Aru mendapatkan bantuan Johor.
- ◆ Pada tahun 1564 - Sultan Alauddin telah bersahabat dengan Turki dan mendapat bantuan 500 buah meriam untuk menyerang Portugis tetapi gagal kerana pada masa ini Johor dan Portugis bersahabat baik.
- ◆ Pada bulan Oktober tahun 1573 - Sultan Ali Riayat Shah iaitu anak Sultan Alauddin al-Qahhar yang mangkat pada 1571 telah menyerang Portugis tetapi gagal.
- ◆ Pada tahun 1578 - Sultan Aceh telah menyerang Portugis
- ◆ Pada tahun 1587 - Aceh sekali lagi telah datang menyerang tetapi masih gagal menewaskan Portugis di Melaka.
- ◆ Pada tahun 1607 Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menjadi Sultan Aceh dan baginda telah melancarkan serangan ke atas Portugis pada bulan November 1628 dengan kekuatan 236 buah kapal dan 20000 orang askar. Pada masa itu angkatan Portugis di bawah pimpinan Diego Lopez De Francesca, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam hampir menguasai apabila baginda berjaya mengepung kota Melaka selama lima bulan tetapi pada bulan Mac tahun 1629 Aceh terpaksa berundur setelah diserang oleh Pahang yang membantu Portugis di bawah pimpinan Raja Bujang (Sultan Abdul Jalil Shah III) iaitu Sultan Johor-Pahang pada masa itu.

Sejak itu Aceh tidak lagi menyerang Portugis di Melaka kerana selepas Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, yakni Sultan Muda Thani yang tidak berminat melancarkan siri serangan dan lebih menumpukan hal-hal pentadbiran negerinya sahaja. Selepas itu pula ialah Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah telah menggantikan suaminya iaitu Sultan Muda Thani pada tahun 1636. Sultanah merupakan seorang perempuan yang langsung tidak berminat untuk berperang.

Sejarah seterusnya mencatatkan bahawa selain Johor dan Aceh terdapat sebuah negeri kecil yang berhampiran dengan Melaka yang telah memainkan peranan dalam sejarah penentangan orang Melayu ke atas Portugis. Negeri kecil tersebut ialah Nanning.

Menurut catatan sejarah, apabila Portugis bermusuhan dengan Johor pada tahun 1586, orang Melayu Nanning tidak lagi menghantar dagangannya terutama makanan ke Melaka dan ini menyebabkan Portugis risau kerana tidak mendapat bekalan makanan.

Ini menyebabkan pada bulan November tahun 1586, Diego De Azambuja telah pergi ke Nanning dengan membawa 500 orang askar dan menyerang Tabuh Nanning (kekuatan Nanning pada masa itu ialah 2000 orang sahaja). Orang Nanning menggunakan senapang pemuras dan sumpitan tetapi akhirnya Nanning tewas ke atas Portugis dan terpaksa akur dengan kekuasaan Portugis di Melaka.

Sultan Abdullah yang dikenali juga dengan nama Raja Seberang atau Raja Bongsu telah memerintah Johor kerana pada masa itu Sultan Alauddin Riayat Shah III al-Mansur menjadi Sultan (1507-1615) hanya suka berhibur. Pada masa ini Johor telah mengadakan hubungan dengan Belanda dan ini diikuti dengan lawatan Belanda ke Johor iaitu;

- ◆ Jacob Van Heemsberk pada tahun 1602
- ◆ Jacob Pietersz Van Enkhuijen pada tahun 1603
- ◆ Laksamana Wijb An Wijck pada bulan Mei tahun 1604 - pada masa lawatan Laksamana Wijb Van ini, Belanda telah membuat loji perniagaannya di Batu Sawar atas sokongan Sultan Abdullah.

Akhirnya pada tanggal 17 Mei 1606 Sultan Abdullah telah membuat perjanjian dengan Belanda. Antara lainnya ialah Johor hendak bekerjasama dengan Belanda menyerang Portugis dan dengan itu Sultan Abdullah telah menghantar bantuan 50 buah perahu dan 3000 orang askar dan Belanda pula 11 buah kapal perang.

Pada 18 Mei tahun 1606, Belanda dan Johor telah berjaya mengepung Portugis di Melaka sehingga bulan Ogos tahun 1606. Portugis telah mendapat bantuan sebanyak 14 buah kapal perang untuk menahan angkatan Johor-Belanda. Pertempuran tersebut telah berlaku pada 17 Ogos 1606 dan pada 24 Ogos 1606, Cornelis Matelief iaitu ketua angkatan Belanda telah berundur.

Berikutan itu, pada bulan September tahun 1606 Belanda cuba mendapatkan pengesahan Perjanjian 17 Mei dengan Sultan Alauddin III. Pada 20 Mei 1640, Jeneral Antonio Van Diemen telah pergi ke Melaka dengan 4 buah kapal dan 332 orang askar. Pada bulan Julai tahun 1640, Sultan Abdul Jalil yang menjadi Sultan Johor-Pahang atas bantuan Belanda pada 1638 telah menghantar bantuan sebanyak 40 buah perahu dan 1500 orang askar yang diketuai oleh Laksamana Abdul Jamil. Angkatan ini telah berpecah tiga iaitu;

1. Jacob Cooper
2. William Caertekoe
3. Laksamana Tun Abdul Jamil Paduka Raja

Pada bulan Ogos tahun 1640 mereka telah berjaya mengepung kota Melaka dan pada bulan Januari tahun 1641 mereka telah berjaya pula menembusi kota Melaka dan Gabenor Melaka pada masa itu iaitu Manuel De Souza Cautinhi telah menyerah kalah pada tanggal 14 Januari 1641. Dengan penyerahan tersebut maka berakhirilah pemerintahan Portugis di Melaka.



▲ *St. Paul's Church, 1521 - antara tinggalan Portugis di Melaka.*

Sesungguhnya, pemerintahan Portugis di Melaka selama 130 tahun yang bermula dari tahun 1511 sehingga tahun 1641 adalah merupakan satu jangka masa yang lama dan semasa itu mereka telah meninggalkan beberapa perkara di Melaka dan masih kekal sehingga sekarang iaitu antaranya kota A Famosa dan rakyatnya yang berkahwin campur dengan rakyat tempatan.

Sememangnya ketuanan Portugis sering kali diserang dan diancam sama ada dari dalam mahupun dari luar terutama sekali dari Johor, Aceh dan Belanda selain Pahang, Perak dan Naning dan rakyat Melaka sendiri.

Begitu juga apabila Belanda menguasai Melaka yang bermula pada tahun 1641 dengan bantuan Johor tetapi akhirnya Johor sendiri menentang ketuanan Belanda di Melaka. Bolehlah dijelaskan bahawa tidak ada satu pun negeri yang mahu ketuanan yang bukan dari rakyat tempatan sendiri. Lantaran itu berlakulah peperangan yang berterusan.

## 2. *Penjajahan Belanda*

Sejarah telah mencatatkan bahawa zaman kegelapan bangsa Melayu terus menyerukupi kehidupan masyarakat Melayu selepas kekalahan Portugis dengan pihak Belanda pada tahun 1640 Masehi.

Ini adalah disebabkan oleh Kerajaan Melayu Johor yang bertanggungjawab dalam peperangan yang telah menyebabkan Belanda-Johor mencapai kemenangan. Ini juga kerana ketika itu, Johor hanya menerima rampasan perang sahaja tetapi Belanda memperolehi Melaka.

Mengikut sumber dari *Sejarah Alam Melayu* yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang Maktab Perguruan Tanjung Malim, semasa pemerintahan Belanda di Melaka, pemerintahan penjajah ini lebih zalim daripada Portugis. Orang-orang Melayu dijadikan hamba abdi dan dijual seperti binatang ternakan.

Mereka yang menentang pemerintahan akan dimasukkan ke dalam tong yang dipaku sekelilingnya. Kemudian tong ini akan digolekkan dari atas bukit. Kekejaman Belanda juga turut digambarkan di dalam buku *Hikayat Abdullah*. Namun orang-orang Melayu turut menentang Belanda seperti Raja Haji yang ketika itu memegang jawatan sebagai Yamtuan Muda Riau.

### 3. *Penjajahan Inggeris*

Menurut catatan sejarah, penjajah Inggeris mula bertapak di Melaka pada tahun 1793 Masehi sehingga 1814 Masehi. Sikap Inggeris apabila menjajah Melaka adalah secara diplomasi dan lembut. Mereka tidak melakukan kekerasan seperti Belanda dan Portugis, namun kezaliman juga turut berlaku. Mereka ini menjalankan dasar 'pecah dan perintah' agar pemerintah Melayu tidak terus mencurigai antara satu sama lain. Dengan ini Inggeris akan menawarkan diri menjadi orang tengah.

Mereka menggunakan raja-raja Melayu sebagai alasan mengutip cukai yang selama ini dilakukan oleh pembesar-pembesar Melayu. Apabila berlakunya penentangan, pihak Inggeris akan mengisytiharkan pembesar-pembesar sebagai penderhaka dan akan dibuang daerah. Undang-undang Inggeris dikatakan lebih menekankan kesalahan kepada orang-orang Melayu.

### 4. *Pendudukan Penjajah Jepun*

Manakala Jepun mulai bertapak di Melaka pada tahun 1941 sehingga tahun 1945. Jepun mula menakluki Tanah Melayu pada 13 Februari 1942 sehingga 15 Ogos 1945. Kezaliman sewaktu memerintah adalah lebih pahit daripada penjajahan sebelum ini. Jepun yang berjaya menakluki Tanah Melayu telah mendapat sokongan daripada anak negeri yang terperangkap dengan janji-janji kemerdekaan yang telah ditaburkan.

Lantaran tersebut, peluang yang ada telah digunakan oleh mereka walaupun mereka benci kepada penjajahan. Namun Jepun juga turut menghampakan harapan mereka. Kekerasan masih tetap berlaku. Mereka yang disyaki menentang Jepun akan dipenggal leher sebelum disuruh menggali kubur sendiri. Ada juga yang dipaksa meminum air sabun. Akibat kezaliman yang sungguh menyayat hati ini telah menimbulkan kesedaran dalam sanubari orang Melayu untuk memerintah sendiri tanah air mereka.

## Bibliografi, Sumber & Rujukan :

1. **Zainal Abidin Abdul Wahid**, *Empayar Melaka Sepintas Lalu, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 19 , halaman 21
2. **Khasnor Johan**, *Orang-orang Portugis di Tanah Melayu, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 19, halaman 32
3. **Abdul Aziz Zakaria**, *Portugis Dalam Sejarah Melaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1963, halaman 35*
4. **Buyong Adil**, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, halaman 9-76 dan juga *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, halaman 4-71. Penulisan Buyong Adil amat jelas dalam menceritakan berkenaan kedatangan orang-orang Portugis ke Melaka dan penentangan orang-orang Melayu terhadap Portugis di Melaka. Penceritaannya amat terperinci berdasarkan tarikh, bulan dan tahunnya sekali.
5. **W.G. Shellabear**, *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1994,
6. **Ibid**, *Cetera 32*, halaman 184.
7. **Abdul Aziz Zakaria**, *Op.cit*, halaman 26
8. **Ibid**, halaman 27
9. **Muhammad Yusof Hashim**, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, halaman 281.
10. **Lee Kam Heng**, *Acheh dan Semenanjung Tanah Melayu, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 19 , halaman 42.
11. **Melaka - Melaka Tempa Sejarah**

## **Bumi Hang Tuah Era Kemerdekaan**

### ***Pengisytiharan Kemerdekaan***

Luapan semangat kemerdekaan semakin hangat dalam jiwa pejuang tanah air. UMNO yang mengemudi bahtera ke arah mencapai kemerdekaan semakin mendesak antara luapan semangat rakyat dengan tekanan dari pihak Inggeris. Pemuda UMNO diarah memperkukuhkan parti seperti yang telah disarankan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tunku Abdul Rahman, memang tidak suka Pemuda UMNO menjalankan kekerasan dalam mencapai kemerdekaan. Beliau bimbang sekiranya pihak Inggeris akan bertindak mengharamkan UMNO. Pada tanggal 28 Disember 1955, Tunku Abdul Rahman telah bertemu dengan Chin Peng iaitu pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) agar menghentikan keganasan bagi membolehkan darurat ditamatkan tetapi usaha ini gagal.

Kata sepakat telah diterima memilih tarikh 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan tarikh tersebut kepada Majlis Kebangsaan Perikatan bagi mendapatkan persetujuan. Tunku Abdul Rahman kemudiannya ke London dan sewaktu pulang dari London, beliau telah dibawa ke Padang Bandar Hilir bagi mengisytiharkan kemerdekaan.

#### **Bibliografi & Sumber :**

**Merdeka - Melaka Tempa Sejarah**

## **Bumi Hang Tuah Era Pembangunan**

### ***Pengisytiharan Melaka Sebagai Bandaraya Bersejarah***

Melaka atau Bumi Hang Tuah ini telah diisytiharkan sebagai Melaka Bandaraya Bersejarah pada 15 April 1989 oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin, Yang Dipertua Negeri Melaka.

Logo Melaka Bandaraya Bersejarah terbentuk dari kombinasi replika Istana Kesultanan Melayu Melaka dan Kota A Famosa, di mana reka bentuk Istana Kesultanan Melaka yang direka terletak mengelilingi Kota A Famosa. Ciri-ciri istana ini berombak terletak di atas Logo Melaka Bandaraya Bersejarah dan terdapat jalur-jalur lintang yang mengelilingi Kota A Famosa yang terletak di tengah-tengah logo ini.



Kedudukan Istana Kesultanan Melaka yang lebih besar dan mengelilingi Kota A Famosa melambangkan kegemilangan dan bermulanya sejarah Melaka Bandaraya Bersejarah. A Famosa melambangkan kesan penjajahan yang bertapak di negeri Melaka. Bentuk berombak di atas logo melambangkan Melaka pernah menjadi pelabuhan yang terkenal satu masa dahulu manakala jalur-jalur lintang berwarna kundang melambangkan dekad sejarah Melaka mula dibuka oleh Parameswara sehingga Melaka mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Tanah Melayu.

Melaka diiktirafkan sebagai Melaka Bandaraya Bersejarah adalah disebabkan oleh kedudukan dan ketentuan silam keagungan Melaka yang sekali gus pernah tegak sebagai sebuah penempatan, sebuah kerajaan, sebuah bandar, sebuah pelabuhan, sebuah pusat perdagangan dan penyebaran Islam, perkembangan kebudayaan serta sebuah empayar serta hakikat kesinambungan sejarah Melaka yang bermula dari awal kurun ke-15 sehingga sekarang.

#### **Bibliografi & Sumber :**

**Kebangkitan Semula - Pengisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah**

#### ***Bumi Hang Tuah Bumi Budaya***

Tanggal 9 September 1996 bersamaan dengan 25 Rabiul Akhir 1417, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah mengisytiharkan Melaka sebagai 'Melaka Negeri Berbudaya' dengan 10 teras yang perlu dilaksanakan iaitu :

- ◆ Beriman dan Bertaqwa
- ◆ Berilmu dan Beramal
- ◆ Jujur dan Amanah
- ◆ Berakhlak dan Berbudi
- ◆ Mesra dan Bahagia
- ◆ Sihat dan Segar
- ◆ Bersih dan Indah
- ◆ Beradat dan Bersopan
- ◆ Bersatu dan Bersetia



▲ Antara tempat-tempat menarik di Melaka.

Ber  
Gh  
dala  
Kel  
Sas  
Tab  
**Bib**  
**Maj**  
  
**Kr**  
139  
140  
140  
140  
140  
141  
141  
142  
144  
144

Idea yang mencetuskan agar menubuhkan Melaka Negeri Berbudaya ialah Allahyarham Y.A.B. Datuk Seri Haji Mohd Zin Hj. Ab. Ghani, Ketua Menteri Melaka. Beliau sering menyatakan hasratnya dalam beberapa ucapan beliau seperti di Majlis Perasmian Hari Sastera Kebangsaan pada 27 Mei 1995 di Seri Bendahara, Perasmian Muzium Sastera pada 28 Mei 1995 dan ucapan beliau semasa menyambut Tahun Baru 1996.

**Bibliografi & Sumber :**

**Majlis Pengisytiharan Melaka Negeri Berbudaya.**

***Kronologi Sejarah Bumi Hang Tuah***

- 1396 - Parameswara, putera Sumatera telah melarikan diri dari Temasik (nama asal Singapura) dan membuka Melaka.
- 1400 - Parameswara, putera raja dari Palembang setelah ditumpaskan oleh Majapahit telah menuju ke Temasik (nama asal Singapura) dan akhirnya membuka negeri Melaka.
- 1403 - Wakil China pertama sampai ke Melaka.
- 1403 - Laksamana Yin Ching dalam misi perdagangannya telah singgah di Melaka dan menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan China- Melaka.
- 1409 - Laksamana Cheng Ho, ketua armada perdagangan China dan para pembesar tiba di Melaka bagi memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua negara.
- 1411 - Parameswara diiringi pembesar Melaka dengan ditemani oleh Laksamana Cheng Ho belayar ke China. Baginda diterima mengadap Maharaja Yung Lo.
- 1414 - Parameswara berkahwin dengan Puteri Pasai. Baginda memeluk agama Islam dan memakai gelaran Sultan Iskandar Shah.
- 1424 - Anakanda Parameswara, Sri Maharaja menaiki takhta dan menukar namanya menjadi Sultan Muhammad Shah.
- 1444 - Sultan Muhammad Shah diganti oleh putera bongsonya, Raja Ibrahim tetapi baginda telah dibunuh dan dimakamkan dengan gelaran Sultan Abu Syahid
- 1446 - Raja Kassim menaiki tahta dan memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah menaiki takhta dan mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi negeri.

- 1447 - Serangan pertama Siam ke atas Melaka.
- 1456 - Tun Perak menjadi Bendahara dengan gelaran Bendahara Paduka Raja. Beliau telah berkhidmat di bawah empat sultan dan merupakan tulang belakang kepada perkembangan Melaka ke mercu kekuasaannya di Kepulauan Melayu.
- 1458 - Sultan Mansur Shah menaiki takhta. Maharaja China telah menghantar Laksamana Cheng Ho yang membawa Puteri Hang Li Po dan dikahwinkan dengan baginda.
- 1477 - Sultan Alauddin Riayat Shah menaiki takhta pada umur 15 tahun. Baginda merupakan seorang yang tegas dalam melaksanakan tugasnya.
- 1488 - Sultan Alauddin diracun mati dan diganti oleh Sultan Mahmud Shah.
- 1498 - Tun Perak meninggal dunia.
- 1500 - Tun Mutahir menggantikan Tun Perak sebagai Bendahara bergelar Bendahara Seri Maharaja.
- 1509 - Diego Lopez de Sequiera dari Angkatan Diraja Portugal tiba di Melaka. Mereka digelar 'Benggali Putih'. Disebabkan oleh perselisihan faham, angkatannya diserang oleh Melaka dan 20 orang anak kapalnya ditahan.
- 1510 - Bendahara Tun Mutahir dan keluarganya mati dibunuh. Sultan Mahmud Shah memilih anaknya, Sultan Ahmad Shah menggantikan baginda sebagai sultan sementara.
- 1511 - Alfonso d' Albuquerque berjaya menawan Kota Melayu Melaka pada 10 Ogos 1511 dan membina A Famosa.
- 1513 - Patih Unus dari Jawa, seorang pahlawan Jawa telah menyerang Melaka.
- 1518/1519
- Sultan Mahmud Shah telah mengerah rakyatnya membina tembok tinggi mengelilingi Melaka dalam masa tiga bulan.
- 1525 - Laksamana Hang Nadim telah mengepung Kota A Famosa dan membuat catuan makanan dari Goa.
- 1545 - Buat pertama kalinya, Fr. Francis Xavier tiba di Melaka setelah lima kali lawatannya ke Melaka.

1551 - Gabungan Johor, Japara dan Perak yang mantap telah menawan Melaka dan mengepungnya selama tiga bulan.



▲ Francis Xavier

1553 - Fr. Francis Xavier meninggal di Pulau Sancian berdekatan Canton, China dan dibawa ke gereja St. Paul selama sembilan bulan persemadiannya sebelum mayatnya dibawa semula ke Goa, India.

1568 - Johor membantu Portugis Melaka mematahkan serangan Aceh.

1587 - Johor menyerang Melaka tetapi diselamatkan oleh angkatan dari Goa.

1588 - Pelawat Inggeris pertama, Ralph Ritch telah tiba di Melaka.

1597 - Serangan pertama Belanda ke atas Kota Portugis Melaka.

1606 - Johor berpakat dengan Belanda untuk menguasai Melaka. Percubaan selama tiga bulan gagal apabila Portugis mendapat bantuan dari Goa.

1615/1616 - Aceh menyerang Melaka.

1628/1629

- Aceh memerintah Melaka selama lapan bulan sebelum berundur dari Melaka.

1636 - Kapal Belanda telah memusnahkan kapal Portugis di pelabuhan.

1641 - Melaka jatuh ke tangan Belanda pada 14 Januari 1641. Gabenor Portugis, Manuel de Souza Couthinho telah menyerahkan kuasa pemerintahan kepada Kapten Minne Williemson Kaartokoe.

1645 - Tokong Cheng Hoon Teng telah dibina oleh Kapten Lee Wei King dan ia merupakan tokong Cina yang tertua di Malaysia.

1645/1670 - Perang antara Belanda-Naning.

- 1650an
- Bangunan Stadthuys dibina dan dijadikan pusat pentadbiran Belanda di Melaka.
  - 1710 - Belanda membina Gereja St. Peter.
  - 1753 - Pembinaan Gereja Christ siap sepenuhnya.
  - 1756 - Bugis di bawah pemerintahan Daing Kamboja telah menyerang Melaka.
  - 1784 - Raja Haji datang ke Melaka untuk menawaninya tetapi terbunuh semasa pertempuran di Teluk Ketapang.
  - 1795 - Syarikat Hindia Timur menguasai Melaka buat sementara semasa Peperangan Napoleon.
  - 1807 - British mula memusnahkan kubu Portugis dan mengusir pengaruh Portugis dari Melaka. Kemudian Belanda merancang untuk menukarkan pedagang-pedagang yang datang ke Melaka berpindah ke Pulau Pinang dan berhasrat melemahkan kekuatan Melaka. Kerja-kerja memusnahkan kota ini menelan belanja disekitar 70,000 *pound*.
  - 1808 - Kedatangan Sir Stamford Raffles telah menyelamatkan Melaka dari kemusnahannya dengan persetujuan Lord Minto.
  - 1819 - Sultan Husin Mohamad Shah telah menyerahkan Singapura kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris. Makam baginda terdapat di Masjid Tengkeru.
  - 1824 - Perjanjian Anglo-Belanda atau Perjanjian London ditandatangani antara Inggeris dan Belanda untuk mengasingkan kawasan jajahan British dan Belanda. British telah menguasai kawasan utara Selat Singapura sementara Belanda di bahagian Selatan (Kepulauan Indonesia).
  - 1826 - Melaka, Pulau Pinang dan Singapura disatukan menjadi Negeri-Negeri Selat.
  - 1867 - Negeri-Negeri Selat menjadi tanah jajahan British. Pejabat Pemerintahan Gabenor-Jeneral yang berpusat di India berpindah ke Pusat Pemerintahan di London.
  - 1895 - Penanaman getah secara ladang dilakukan oleh Tan Chay Yan di Bukit Lintang, Melaka.
  - 1941 - 1945 - Perang Dunia ke-2 berlaku.
  - 1941 - Jepun mengebom Pearl Harbour (Pengkalan Laut yang penting di Amerika Syarikat).

1942 - Melaka jatuh ke tangan Jepun.

1945 - British kembali menguasai Melaka setelah Jepun menyerah kalah kepada British di Singapura.

1948 - Komunis menyerang dan menguasai Malaya selama 14 hari. Pihak British mengisytiharkan darurat dan situasi ini berakhir pada tahun 1960.

1956 - Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama mengumumkan tarikh kemerdekaan (31 Ogos, 1957) setibanya dari London. Dalam tahun yang sama, Melaka menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara merdeka.

1957 - Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957.

1963 - Pembentukan Malaysia. Melaka menjadi sebahagian daripada Malaysia. Singapura, Sabah dan Sarawak juga menyertainya.

1989 - Melaka diisytiharkan sebagai Bandaraya Bersejarah (15 April, 1989).

1996 - Negeri Melaka diisytiharkan sebagai Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya pada 9 September 1996 oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Air Keroh.

### Bendera Negeri Melaka

Warna merah, putih, kuning dan biru adalah warna Bendera Persekutuan dan menunjukkan bahawa Melaka ialah sebuah negeri dalam persekutuan. Sementara anak bulan dan bintang pecah lima pula ialah tanda agama Islam, agama negeri dan Malaysia.

### Lambang Negeri Melaka

Warna merah, putih, kuning dan biru bermakna Melaka adalah sebuah negeri dalam Malaysia. Lima bilah keris bermaksud lima orang pahlawan termasyhur di negeri ini pada zaman dahulu.

Anak bulan dan bintang pecah lima sebagai tanda agama Islam iaitu sebagai agama rasmi di negeri ini. Pokok Melaka adalah pohon dari mana negeri ini mendapatkan namanya.

Dua ekor pelanduk yang memegang perisai ialah untuk memperingati riwayat tua iaitu pelanduklah yang telah menyebabkan Raja Melaka yang pertama mengambil keputusan untuk menetap dalam negeri ini dan membukanya.

Bersatu Teguh' ialah cogan negeri ini.

## Bunga Negeri Melaka

Setiap negeri mempunyai bunga kebanggaannya yang tersendiri. Malaysia contohnya mempunyai Bunga Raya sebagai bunga kebangsaannya. Begitu juga dengan Singapura, di mana Anggerik dikatakan menjadi bunga kebangsaannya. Begitu jugalah dengan Negeri Melaka ini. Bunga Kesidang dikatakan bunga kebangsaan negerinya.

Bunga Kesidang atau pokok kesidang atau nama botaninya, *canangrium scortechinii* merupakan sejenis tumbuhan kecil yang istimewa. Batang pokok ini kecil tetapi keras dan dahannya mengembang di atas junjung yang dibina untuknya. Seluruh bahagian pokok ini mengandungi getah, daunnya hijau mirip daun sirih, rimbunannya memberi naungan kepada pokok-pokok lain yang berdekatan.

Bunga kesidang berwarna hijau muda pada waktu kemunculannya, kemudian setelah kembang ia berwarna putih bersih dengan kelopak dan baunya harum memikat. Bentuknya yang kecil dan sifatnya yang lembut menjadikan kesidang sebagai bunga yang dijadikan hiasan di tempat-tempat yang terhormat.

Masyarakat tradisi Melaka menjadikan kesidang sebagai bunga dandanan rambut wanita, hiasan pengantin dan wanita pada alat-alat upacara adat seperti tepak sirih dan bunga rampai. Kerana baunya yang harum semerbak, ia ditaburkan di tempat-tempat utama di dalam rumah hingga dimasukkan ke dalam minyak kelapa untuk disapukan di rambut.

Bunga Kesidang juga melambangkan kesederhanaan watak dan peribadi masyarakat Melaka yang ramah tamah dan bersopan-santun.

## Lagu Kebesaran Negeri Melaka

### Melaka Maju Jaya

*Melaka Negeri Melaka  
Tempat tumpah darah kita  
Dijunjung dengan sepenuh jiwa  
Untuk maju dan jaya.  
Rakyat jelata sudah bersatu-padu  
Berikrar taat setia  
Jujur berkhidmat setiap masa  
Melaka maju jaya.*

Lagu : Saiful Bahri, SMS.

Gubahan : Johari Salleh, AMN., AMP.



## Tempat-Tempat Tersohor

Bumi Hang Tuah bukan saja merupakan negeri yang kaya dengan sejarahnya yang tersendiri tetapi juga mempunyai tempat-tempat yang tersohor. Tempat-tempat ini tersohor lantaran mempunyai kisahnya yang unik dan terlibat dengan sejarah kemasyhuran Melaka itu sendiri. Antara tempat-tempat yang dimaksudkan ialah :

### ***Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka***

Antara tempat-tempat yang wajar digolongkan sebagai tempat yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri ialah Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.

Maktab Perguruan Perempuan Melayu (MPPM) atau lebih dikenali dengan nama *Malay Women's Training College* (MWTTC) terletak di Jalan Tun Fatimah, Durian Daun, Melaka. Ia merupakan maktab perguruan pertama dan tunggal di negara ini yang melatih pelajar perempuan sebagai guru pelatih.

Maktab ini dibuka pada tahun 1935 dengan Miss Purdon sebagai pengetuanya yang pertama. Maktab Perguruan Perempuan Melayu Durian Daun ini melahirkan 150 orang guru yang bertauliah setiap tahun untuk dihantar ke sekolah-sekolah rendah di seluruh negara.

Semasa penubuhannya maktab ini hanya melatih guru-guru yang berkelulusan darjah enam sahaja. Bagaimanapun sejak tahun 70-an, guru-guru pelatih di maktab ini diambil daripada mereka yang mempunyai kelulusan setaraf dengan pelatih di maktab-maktab perguruan yang ada di seluruh negara. Tenaga pengajar termasuk pengetuanya terdiri daripada kaum perempuan. Walau bagaimanapun sejak tahun 1970, pensyarah lelaki mulai diperlukan sebagai menyahut perkembangan pendidikan negara.

#### **Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka* oleh  
Mohamed Roselan Abdul Malek.**

### ***Daerah Alor Gajah***

Alor Gajah yang terkenal dengan pahlawan Naning iaitu Dato' Dol Said yang menentang British di dalam Perang Naning tahun 1932 adalah dari sebuah kawasan hutan yang dipercayai menjadi laluan gajah-gajah liar, kini Alor Gajah menjadi sebuah daerah yang sedang pesat membangun.

Daerah Alor Gajah mengandungi tiga (3) buah bandar dan 16 buah pekan-pekan kecil. Keluasan daerah Alor Gajah adalah seluas 67,440 hektar yang merangkumi 31 buah mukim. Majlis Luar Bandar Alor Gajah telah disusun semula mengikut Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan diberi pengiktirafan sebagai Majlis Daerah Alor Gajah pada 1 Julai 1978.

Kini daerah Alor Gajah mempunyai bilangan penduduk seramai 115,620 orang. Pekan Alor Gajah terletak 24km dari bandar Melaka dan kini merupakan salah satu pintu masuk utama ke negeri Melaka melalui Lebuhraya Utara-Selatan.

Majlis Daerah Alor Gajah merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berorientasikan perkhidmatan rakyat merupakan penggerak utama di dalam menjadikan Alor Gajah sebagai daerah yang maju dan indah. Pembangunan kawasan pentadbirannya telah maju serentak dengan pembangunan keseluruhan negeri Melaka dengan penekanan utama dari sektor-sektor perindustrian, pelancongan dan pertanian.

Kewujudan infrastruktur turut mempercepatkan aliran masuk para pelabur tempatan dan para pelabur asing untuk menanam modal dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Adalah menjadi harapan Majlis Daerah Alor Gajah untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada masyarakat di bawah kawasan tadbirnya. Justeru itu, Majlis Daerah Alor Gajah akan memaksimumkan segala usaha-usaha untuk membangunkan daerah bagi mencapai kemajuan dan kemakmuran.

### ***Kampung Tedong***

Mengikut cerita dari penduduk tempatan di Kampung Tedong pada mulanya kampung tersebut merupakan sebuah kampung persinggahan nelayan-nelayan. Pada masa itu, terdapat hanya lima atau enam buah keluarga sahaja yang menetap di tepi-tepi sungai dan sumber pendapatan utama mereka ialah hasil dari laut iaitu sebagai nelayan. Lantaran itu, mereka bersepakat untuk menamakan kampung kediaman mereka yang ketika itu belum mempunyai nama lagi.

Dalam perancangan tersebut, mereka dapati ada seekor ular yang sangat besar dan ular itu ialah ular tedong. Bagi mereka, ini adalah satu peluang yang baik untuk memberi nama kepada kampung mereka itu. Hasil daripada itu, mereka bersetuju menamakan kampung tersebut dengan panggilan TEDONG dan sungai itu Sungai Tedong sempurna

nama ular yang mendiami di sungai tersebut. Nama Kampung Tedong dan Sungai Tedong ini kekal sehingga ke hari ini dan ia tercatat di dalam peta Daerah Jasin (Kampung Tedong).

Walaupun begitu, tiada peninggalan sejarah yang mengkhusus di kampung ini. Hanya terdapat sebuah rumah batu yang mula dibina pada tahun 1901 dan ia telah berusia lebih 100 tahun. Rumah batu ini masih didiami sejak turun-temurun oleh pewaris rumah tersebut. Rumah tertua di Kampung Tedong ini terletak di Pekan Kampung Tedong.

Kampung Tedong merupakan sebuah mukim yang terkecil di Daerah Jasin. Bilangan penduduknya adalah padat dan dianggarkan terdapat lebih kurang 8000 ribu orang penduduk. 98% daripada penduduknya ialah orang Melayu (mengikut perangkaan bancian 1991). Penduduk di sini semakin ramai dan mereka bertukar sumber ekonomi dari nelayan kepada bersawah padi.

Dianggarkan terdapat lebih kurang 150 ekar sawah padi yang masih diusahakan sehingga kini. Tempoh tanaman padi ini dilakukan dua kali setahun. Manakala terdapat sebilangan kecilnya masih menjadi nelayan dan penoreh getah.

Sementara itu, perancangan demi perancangan dibuat untuk pembangunan Kampung Tedong. Disebabkan kepesatan penduduk di situ, satu perancangan untuk mengadakan kos perumahan sederhana telah dimajukan kepada Kerajaan Negeri. Manakala di kawasan pantai, telah dirancang untuk dijadikan sebagai tempat rekreasi iaitu kawasan medan makan dan penginapan chalet.

Tanah-tanah di tepi laut terdapat kawasan bakau telah dimajukan dengan mengadakan beberapa buah kolam udang harimau yang sedang dijalankan. Projek ini telah beroperasi selama tiga tahun dan sambutannya amat menggalakkan dengan mendatangkan keuntungan yang lumayan. Ia telah dijalankan atas usaha sama penduduk kampung dan Jabatan Perikanan Melaka.

Selain itu, di kampung ini mempunyai tiga buah balai raya dan satu padang permainan awam bagi kegunaan riadah anak-anak muda Kampung Tedong. Di atas kemudahan yang telah disediakan ini, ia tidak disia-siakan malah anak kelahiran Kampung Tedong ini telah mencipta nama di dalam bidang kesukanan. Encik Samsurin Abd. Rahman merupakan seorang pemain bola sepak negeri dan juga pemain bola sepak peringkat kebangsaan dan beliau adalah salah seorang pemain yang mewakili pasukan Sarawak.

Sementara Encik Norizam Ali Hasan adalah pemain bola sepak pasukan Negeri Melaka. Kedua-dua pemain ini, semasa mereka masih bersekolah rendah, mereka telah dibimbing oleh Encik Atan bin Aziz iaitu seorang Pengerusi Jawatan Kuasa Kampung Tedong pada masa ini.

Permainan tradisional tetap dimajukan di Kampung Tedong. Malah permainan ini telah mendapat tempat dan mencipta nama di Malaysia. Permainan gasing adalah satu permainan yang popular di Kampung Tedong. Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Melaka, telah mengambil alih bagi melaksanakan dan memajukan permainan gasing ini.

Baru-baru ini, satu Seminar Pengadil-Pengadil Gasing Seluruh Malaysia telah diadakan di Gelanggang Gasing Tedong pada 11 & 12, Mei 1996. Tedong juga telah menjadi johan gasing seluruh negara dan setiap pertandingan gasing yang diadakan, Kampung Tedong menggondol tempat pertama dengan lebih kurang empat kali kejohanan. Pada tahun 1995, pertandingan gasing telah diadakan di Terengganu dan wakil-wakil dari Kampung Tedong telah berjaya sekali lagi sebagai Johan Kebangsaan.

Biarpun Kampung Tedong masih lagi tidak dikenali ramai dan sebagai sebuah kampung yang tidak terkenal dengan peninggalan sejarahnya tetapi anak-anak kelahiran Kampung Tedong telah memberi cahaya dan membawa nama Kampung Tedong di mata dunia. Dengan terdapat pembangunannya yang pesat dan kecemerlangan dalam bidang kesukanan, tidak mustahil kampung ini akan dikenali dan diiktiraf dunia.

#### **Bibliografi & Sumber:**

**Sejarah Melaka seperti yang telah diceritakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kampung Tedong, Encik Atan bin Aziz**

#### ***Banda Kaba***

Banda Kaba yang terletak berhampiran dengan Sekolah Tinggi Melaka dikatakan mendapat nama daripada perkataan Portugis 'Jakaba'. Daripada perkataan inilah lahirnya Banda Kaba.

Menurut cerita pada masa dahulu, di kawasan Banda Kaba terdapat banyak pokok kelapa. Apabila orang hendak masuk ke kawasan Banda Kaba, maka jalan yang hendak ditempuhi itu gelap sehingga membuatkan mereka yang melalui di situ teraba-raba dan dari peristiwa itulah dipercayai wujudnya nama Banda Kaba.

Terdapat 2 andaian mengenai sejarah pembukaan Banda Kaba, andaian pertama mengatakan bahawa Banda Kaba telah dibuka oleh Pak Bakar yang berasal dari Daik. Menurut cerita sebahagian tanahnya telah dibahagi-bahagikan kepada anak-anaknya. Walau bagaimanapun tanah-tanah tersebut telah dijualkan kepada orang-orang Cina.

Andaian kedua mengatakan Banda Kaba telah dibuka oleh keturunan Tuan Haji Bachik. Tuan Haji Bachik ketika itu merupakan orang kaya di Banda Kaba. Sebahagian besar daripada masyarakat yang mendiami Kampung Banda Kaba terdiri daripada masyarakat Melayu dan selebihnya masyarakat India (India Muslim), Cina dan Jawa.

#### **Bibliografi & Sumber :**

**Tesis : *Kursus Koleksi Sejarah dan Lisan Melaka (16 November 1985)***

### ***Kampung Melaka Pindah***

Pada zaman kegemilangan Empayar Melayu Melaka dahulu, penduduk yang tinggal di beberapa buah mukim dalam daerah Alor Gajah sekarang berasal daripada suku Adat Perpatih Naning. Mereka digelar 'orang sebelah hulu' oleh orang-orang yang tinggal berhampiran Istana Sultan Melaka.

Kenyataan ini bertambah kuat apabila terbinanya sebuah masjid yang begitu terkenal di negeri Melaka sehingga hari ini, iaitu Masjid Kampung Hulu. Masjid ini terletak di tengah-tengah bandar Melaka, berhampiran dengan Sungai Melaka. Masjid yang didirikan oleh 'orang sebelah hulu' ini adalah sebagai tempat persinggahan mereka ketika berurus niaga dengan pedagang-pedagang di Melaka.

Sewaktu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, Sultan Mahmud dan pembesar-pembesar istananya telah melarikan diri. Seorang daripada pembesar itu bergelar Datuk Paduka Maharajalela. Beliau membawa pengikut-pengikutnya membuat penempatan baru di dalam wilayah 'Perpatih Naning'. Tempat itu hingga kini dikenali sebagai 'Melaka Pindah'.

Melaka Pindah mengikut orang hulu wilayah Perpatih Naning pula bermaksud kampung tempat berpindahnya orang dari Istana Melaka.

Sejarah ringkas tentang pembukaan Kampung Melaka Pindah ini dapat dilihat dengan jelas pada batu peringatan di makam Datuk Paduka Maharajalela yang terletak berhampiran balai raya kampung itu. Catatan pada makam itu menyebut bahawa Datuk Paduka Maharajalela

meninggal dunia sekitar bulan Julai tahun 1521, sepuluh tahun selepas kampung itu dibuka.

**Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Negeri Melaka* oleh  
Mohamed Roselan Abdul Malek**

### ***Kampung Hulu***

Kampung Hulu mendapat nama daripada 2 sebab iaitu ketibaan Sultan Melaka pada zaman Kesultanan Melaka bergerak ke arah hulu untuk bersembayang di masjid serta kawasan yang di diami oleh orang dari kawasan Hulu Melaka.

Kawasan Kampung Hulu adalah daripada Masjid Kampung Hulu sehinggalah ke rumah besar membayar zakat. Kampung Hulu adalah kepunyaan Datuk Samsudin bin Harun, cucu kepada Tan Chek Tiog dari Kwantung, China. Beliau merupakan perintis kepada pembukaan Kampung Hulu dan beliau jugalah yang membina masjid Kampung Hulu.

**Bibliografi & Sumber :**

***Tesis : Kursus Koleksi Sejarah dan Lisan Melaka (16 November 1985)***

### ***Kampung Ketek***

Kampung Ketek mendapat namanya dipercayai melalui dua sebab iaitu kerana tanahnya itu ketek dan ibarat memakai baju Melayu kelihatan ketek. Kampung Ketek merupakan tanah wakaf yang dijual kepada orang-orang Cina. Tokong-tokong yang berada di situ semuanya dari tanah wakaf.

**Bibliografi & Sumber :**

***Tesis : Kursus Koleksi Sejarah dan Lisan Melaka (16 November 1985)***

### ***Kampung Kolam***

Kampung Kolam terdiri daripada dua solok yang dicantumkan menjadi Kampung Kolam. Kampung Kolam mendapat nama dari seorang ahli dobi yang bernama Pak Ali Dobi yang telah membina kolam tersebut untuk mencuci setiap pakaian yang didobinya.

Namun begitu terdapat juga pendapat yang mengatakan Kampung Kolam bermula dari perkataan 'kolam' iaitu suatu masa

dahulu terdapat banyak kolam yang digunakan oleh orang-orang di situ sebagai tempat mencari dan menangkap ikan.

Pendapat ini dikemukakan kepada Datuk Penghulu Kawasan Tengker, Tuan Haji Rahmat Syah bin Ali Shah Khan. Kampung ini sudah wujud sejak zaman British lagi.

**Bibliografi & Sumber :**

**Tesis : *Kursus Koleksi Sejarah dan Lisan Melaka* (16 November 1985)**

### ***Kampung Limbongan***

Kampung Limbongan merupakan suatu kawasan yang pada asalnya dinamakan Klebang Kecil. Klebang Kecil mendapat namanya bermula dari kawasannya yang sempit namun ianya dapat dibahagikan kepada 4 Solok iaitu Solok Kolam Besar, Solok Kolam Kecil, Solok Kampung Hailam dan Solok Kampung Saigon.

Klebang Kecil kemudiannya dinamakan Kampung Limbongan kerana pada masa dulu, kawasan ini merupakan pelabuhan iaitu tempat kapal-kapal seperti tongkang-tongkang berlabuh. Kampung Limbongan juga merupakan salah satu daripada Solok Klebang Kecil yang telah dinyatakan. Limbongan bermula dari sebelah Kampung Hailam hinggalah rumah yang terakhir berhampiran dengan Masjid Kampung Limbongan.

Penduduk Kampung Limbongan terdiri daripada kaum yang berbilang bangsa seperti Bugis, Boyan, Jawa, Arab dan Aceh. Namun mereka tidak mengalami masalah dalam berhubungan.

**Bibliografi & Sumber :**

**Tesis : *Kursus Koleksi Sejarah dan Lisan Melaka* (16 November 1985)**

### ***Bukit Cina***

Bukit China yang terletak di tengah-tengah bandar Melaka mewarisi peninggalan sejarah negeri Melaka. Bukit China adalah salah sebuah bukit dalam kompleks Bukit China mengandungi lima buah bukit iaitu Bukit Tempurung, Bukit China, Bukit Tinggi, Bukit Tengah dan Bukit Gedong. Meskipun terdapat lima buah bukit dalam kompleks Bukit China, hanya Bukit China sahaja yang disebut di dalam sejarah.

*Sejarah Melayu* menceritakan bahawa Maharaja China ingin merapatkan hubungan dengan empayar Melaka, menghantar anaknya,

Puteri Hang Li Po dengan 500 dayang-dayang ke Melaka untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansor Shah (1457-1477). Baginda memilih salah satu bukit yang ada berhampiran dengan Bukit Melaka (kini di sebut Bukit St. Paul) bagi kediaman isterinya. Di kaki bukit tersebut terdapat sebuah perigi untuk kegunaan isteri serta dayang-dayangnya yang dinamakan Perigi Raja atau Perigi Hang Li Po dan semenjak itu, bukit ini dikenali sebagai Bukit China.

Bukit China menjadi sasaran hampir semua penyerang Kota Melaka sebagai lokasi strategik untuk menakluki Kota Melaka dari Portugis. Misalnya pada tahun 1528-1564, Sultan Alauddin Riayat Syah II dan para pengikutnya menggunakan Bukit China sebagai lokasi strategik untuk menyerang pertahanan Portugis di Bukit St. Paul. Johor, Aceh, Jepun dan Belanda juga menggunakan bukit ini untuk melancarkan serangan ke atas Kota Melaka.

Pada pertengahan kurun ke 17, Bukit China yang seluas 26 hektar dibeli oleh Li Kup @ Kapitan Li Wei King dan diserahkan kepada Tokong Hoon Teng untuk dijadikan tempat pengkebumian orang-orang Cina. Inilah permulaannya Bukit China menjadi tanah perkuburan orang-orang Cina di Kota Melaka. Semenjak itu, hanya sekali sahaja Bukit China ini menjadi sasaran serangan iaitu pada tahun 1784 apabila Raja Haji menyerang orang-orang Belanda.

Raja Haji yang mendarat di Teluk Ketapang sendiri yang menawan Bukit Senjuang, Bukit China dan kemudiannya membedil Kota Melaka.

#### **Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek dan Sejarah Bukit China.***

### ***Bukit Senjuang***

Nama asal bagi Bukit Senjuang ialah Bukit Pipit. Bukit ini terletak di dalam kawasan Ujung Pasir iaitu kira-kira 3 kilometer dari bandar Melaka. Mengikut sejarah, bukit ini pernah diduduki oleh orang-orang Siam Ayuthia, Portugis, Aceh, Belanda dan Inggeris. Di atas bukit ini terdapat sebuah kota berwarna putih yang telah dibina oleh orang-orang Belanda pada tahun 1760.

Semasa orang-orang Portugis menjajah Negeri Melaka, mereka telah mendirikan sebuah rumah ibadat di atas Bukit Senjuang. Pada tahun 1628, orang-orang Aceh telah berjaya menawan Bukit Senjuang



daripada orang-orang Portugis dan menjadikan tempat itu sebagai kubu pertahanan dan juga pusat serangan stesen barisan tentera Portugis yang mengawal Bukit China. Orang-orang Aceh telah berjaya menawan Bukit China dan kemudiannya mereka melancarkan serangan ke atas kota Melaka.

Walau bagaimanapun orang-orang Aceh gagal menawan Kota Melaka kerana kekuatan pertahanan orang-orang Portugis. Akhirnya, orang-orang Aceh mengundurkan diri dari negeri Melaka.

Pihak Belanda pula bercita-cita untuk menguasai negeri Melaka setelah pengunduran orang-orang Aceh. Orang-orang Belanda telah meniru taktik serangan yang dilakukan oleh orang-orang Aceh iaitu menjadikan Bukit Senjuang sebagai pusat serangan ke atas Bukit Cina dan Kota Melaka.

Akhirnya pada tahun 1641, pihak Belanda telah berjaya menawan negeri Melaka daripada tangan Portugis. Semasa pemerintahan Belanda, Bukit Senjuang dijadikan sebagai tempat pertahanan terpenting mereka dengan pembinaan sebuah kota yang dicat putih berserta dengan sepuluh pucuk meriam yang mengelilinginya.

Orang-orang Belanda mendirikan kota di atas Bukit Senjuang pada tahun 1760 sebagai kubu pertahanan. Mereka bimbang terhadap kemungkinan serangan orang-orang Bugis dalam usaha menawan Kota Melaka menerusi Bukit Senjuang.

Walau bagaimanapun, serangan tersebut tidak berlaku kerana angkatan perang Bugis tidak sempat menyerang orang-orang Belanda setelah ketuannya iaitu Raja Ali Haji meninggal dunia di Teluk Ketapang yang jauh dari situ. Pada masa itu mereka sedang membuat persiapan untuk melancarkan serangan.

Pada tahun 1824, setelah termeterinya Perjanjian Inggeris-Belanda, Negeri Melaka telah diletakkan di bawah kekuasaan Inggeris. Namun begitu, Bukit Senjuang tidak lagi digunakan untuk dijadikan kubu pertahanan sebaliknya tinggal sebagai salah satu kesan sejarah yang sering dilawati hingga ke hari ini.

**Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek***

## ***Kampung Morten***

Kampung Morten yang disebut juga dengan jolokan 'Kampung Baru' terletak di satu sudut, seolah-olah terpencil di bandar Melaka yang bersejarah yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Perkampungan yang telah berusia 60 tahun itu menyimpan riwayat suka duka segolongan masyarakat Melayu yang gigih dan tabah menjadi warga Bandar Melaka yang bertuah.

Kampung Morten telah diasaskan oleh Demang Datuk Haji Abdul Ghani iaitu seorang Pembesar Melayu pada masa itu. Asalnya penduduk Kampung Morten tinggal di Kampung Jawa. Apabila Kerajaan British ingin mendirikan sebuah pasar di tapak kampung tersebut pada tahun 1922, penduduk telah diarahkan untuk berpindah.

Ekoran daripada itu, satu perjumpaan telah diadakan di antara dua orang pembesar iaitu Demang Datuk Haji Gahni dan Datuk Othman Mohd. Noor dengan Pesuruhjaya Tanah Inggeris yang bernama F.J. Morten. Hasilnya, sebuah tempat yang masih belum bernama telah dipersetujui. Ianya adalah kepunyaan Encik Abdullah bin Maarof dan Pak Khalil.

Sejak dari itu, kawasan yang dulunya dipenuhi dengan pokok-pokok nipah dan sungai-sungainya yang dipenuhi dengan buaya telah berjaya didirikan sebuah perkampungan baru secara bergotong-royong.

Sebelum nama Morten diberikan, terdapat beberapa cadangan nama seperti Kampung Bunga Raya, Kampung Tanjung Bunga dan Kampung Baru. Setelah mendapat kata sepakat nama Morten telah dipilih bagi mengenang jasa yang telah disumbangkan oleh F.J. Morten.

### **Bibliografi & Sumber :**

***Majalah Bunga Rampai dan Berita PERPUSTAM***

## ***Replika Tepak Sirih***

Replika Tepak Sirih Cheng terletak di Jalan Cheng, Melaka. Kos pembinaan replika ini ialah kira-kira RM80,000. Replika berbentuk tepak sirih ini melambangkan tradisi masyarakat Melaka sebagai menyambut ketibaan pengunjung ke Bandar Melaka dan ia selaras dengan negeri ini iaitu Melaka Bandaraya Bersejarah.

## **Replika Alat Muzik Tradisional Air Keroh**

Replika Alat Muzik Tradisional Air Keroh telah dibina pada tahun 1995 dan dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua Negeri Melaka. Ia terletak di Jalan Lebu Air Keroh, bersebelahan dengan bangunan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB). Kos pembinaan replika ini ialah kira-kira RM75,000 yang ditaja oleh sebuah syarikat swasta, NEWAY. Replika berbentuk gong ini sekaligus dapat memperkenalkan serta menunjukkan kepada pengunjung mengenai alat tradisional tersebut.

## **Replika Tepak Sirih Ayer Keroh**

Replika Tepak Sirih Ayer Keroh adalah sama seperti yang terdapat di Replika Cheng. Kos pembinaan replika ini ialah kira-kira RM80,000. Replika berbentuk tepak sirih ini menjadi imej kepada negeri ini kepada pengunjung yang baru memasuki negeri ini melalui Plaza Tol Air Keroh dan ia melambangkan tradisi masyarakat Melaka sebagai menyambut ketibaan pengunjung ke bandar Melaka dan ia selaras dengan negeri ini iaitu Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya.

## **Rumah Tradisional Melayu Merlimau**

Rumah Tradisional Merlimau yang terletak di Merlimau adalah satu hasil senibina yang telah melampaui zaman dan warisan budaya Melayu silam. Rumah tradisional ini dipelihara supaya terus menjadi kenangan bangsa dan kebanggaan negara.

Rumah ini terletak di Merlimau iaitu kira-kira 23 km dari bandar Melaka menghala ke Muar. Ia dibina oleh Dato' Demang Haji Abdul Ghani bin Demang Haji Majid. Rumah ini dibina lebih kurang pada tahun 1895. Walaupun dikatakan telah dibaiki, tetapi sebahagian besar rumah lamanya telah dirobohkan dan digantikan dengan rumah yang ada sekarang. Rumah ini telah siap seperti yang ada dalam bentuk pada tahun 1918. Ianya memakan masa selama lebih kurang 3 tahun 7 bulan untuk disiapkan. Rumah Merlimau ini mempunyai ciri-ciri yang unik dan memiliki beberapa keistimewaan yang harus dikekalkan sebagai warisan budaya dan negara.

Tidak dapat diketahui dengan lebih jelas asal-usul Rumah Melayu Melaka kerana ia ada persamaan dengan rumah orang Melayu Kemboja, Palembang, Sibul dan Filipina. Namun demikian, dapat disimpulkan bahawa Rumah Melayu Melaka adalah tradisi harta pusaka peninggalan alam Melayu.



◀ *Rumah tradisional Melayu*

Rumah Merlimau ini boleh disifatkan sebagai mewakili rumah-rumah Melayu lama pada zaman moden ini. Masih banyak lagi ciri-ciri utama rumah Melayu yang terdapat pada Rumah Merlimau. Oleh itu Rumah Merlimau adalah lambang warisan Budaya Melayu.

Dari segi seni bina, rumah ini boleh dikatakan unik sekali. Bentuk rumahnya adalah berbentuk Melayu tetapi anjungnya berbumbung limas. Rumahnya besar dua sebandung dengan dapur masaknya berbumbung lintang. Rumah besar dan rumah dapurnya sangat luas dan dipisahkan oleh sebuah pelantar simen yang luas yang terdiri dari tiga buah anjung, sebuah serambi yang luas dan sebuah dapur memasak.

Terdapat juga sebuah perigi di dalam rumah, dua buah kolah air di tangga hadapan dan tiang-tiang untuk lampu. Tangganya pula diperbuat daripada batu dan dihiasi dengan *tiles* yang cantik dan berwarna. Tiang-tiang yang diperbuat daripada kayu mempunyai ukiran-ukiran yang indah dan menarik. Kebanyakan ukiran berbentuk kelopak bunga dan awan larat yang menakjubkan dan menggambarkan kehalusan dan kesenian tangan tukang-tukang rumah lama.

Di bahagian anjung rumah ini lebih rendah dari anjung kedua dan ketiga. Setelah melalui 3 buah anjung, kita akan bertemu dengan sebuah serambi yang panjang. Dinding anjung hanya sekerat sahaja

tetapi seluruh serambinya bertingkat dan berpintu. Anjung dan serambinya bersilangkan papan bertekap. Ini menambahkan lagi keteguhan dan keindahan rumah itu manakala semua tingkap-tingkap serambi berkisi dan dibuat tanpa menggunakan sebatang paku pun, malah di setiap bahagian lain di dalam rumah ini juga tidak menggunakan paku.

Rumah Tradisional Merlimau ini juga mempunyai rumah ibu. Satu perkara yang paling menarik pada rumah ibu ialah 'Tiang Serinya'. Tiang seri rumah ini sungguh istimewa kerana ia mempunyai tiang asas, tetapi tiang itu telah dilapik dengan papan yang berlorekan kelopak-kelopak bunga. Lorekan yang paling cantik adalah di bahagian atas tiang seri. Pada tiang seri inilah biasanya acara tepung tawar dan pemulihan rumah dimulakan.

Di rumah ini juga dikhaskan pelamin kekal. Pelamin kekal ini dibina kekal di bahagian tengah rumah. Ia seolah-olah singgahsana di balairong seri dan dihiasi dengan berbagai-bagai ukiran dan corak-corak yang menarik. Di kiri kanan bahagian atasnya terdapat ukiran dua ekor naga dicat dengan warna emas. Pelamin bertingkat dua ini dilengkapi dengan pagar dan ukiran-ukiran menarik serta teliti sekali seni pahatnya.

Selain itu Rumah Merlimau juga mempunyai peran (loteng). Loteng ini sangat luas. Untuk naik ke loteng, tangga yang berukiran disediakan. Ia juga dijadikan setor menyimpan barang. Rumah Merlimau ini juga pernah dijadikan sebagai pejabat daerah bahagian kawasan Merlimau dan rumah persinggahan Dato' Onn Jaafar ketika beliau menjalankan tugas sebagai seorang pemimpin politik.

Bagi menyelamatkan tradisi Melayu lama, Rumah Merlimau yang berusia lebih kurang satu dekad ini hendaklah dijaga dan dipelihara untuk menggambarkan kepada generasi hari ini bahawa masyarakat Melayu lama sangat kaya dengan seninya. Sudah sewajarnya ia dipelihara dan dijaga seelok-eloknya supaya tidak terus ditelan zaman.

Sejarah Rumah Merlimau adalah satu sejarah yang unik yang bukan sahaja harus dikekalkan kerana keindahannya, tetapi ia pernah berfungsi sebagai pusat pentadbiran kampung atau merupakan satu kompleks pentadbiran tradisional. Oleh itu dengan penjagaan yang rapi dapatlah tradisi bangsa kekal zaman berzaman.

## **Gereja St. Paul**

Gereja St. Paul yang terletak di kawasan Bukit St. Paul ini dibina pada tahun 1512 oleh Duarte Coelho dan merupakan gereja yang utama pada masa itu. Gereja St. Paul dibina untuk memperingati St. Francis Xavier, seorang pengembang agama Kristian. Nama asal gereja ini dalam bahasa Portugis ialah 'Virgin Maria' yang membawa maksud 'Perawan Suci Maria'.

Pada zaman pemerintahan Belanda, nama gereja ini ditukar kepada nama yang ada sekarang. Orang Belanda telah mengubahsuai bangunan ini dan menggunakannya sebagai gereja dan kemudian sebagai makam untuk orang-orang atasan. Oleh sebab itu terdapat beberapa buah batu nisan yang besar dengan tulisan Portugis dan Latin di sini.

Di depan gereja ini pula ialah tugu St. Francis Xavier. Beliau datang ke Melaka pada tahun 1545 untuk menyebarkan agama Kristian. Beliau meninggal dunia pada tahun 1552 dan dikebumikan di depan gereja St. Paul. Selepas beberapa bulan mayatnya dipindahkan pula ke Goa, India.

Selepas Belanda menawan Melaka, mereka menjadikannya sebagai tempat perkuburan orang-orang Belanda yang ternama. Yang dapat dilihat sekarang ialah batu-batu nisan dan dinding gereja sahaja.

### **Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek.***

## **Kota Kuala Linggi**

Kota ini telah dibina pada tahun 1757 oleh Belanda yang menamakan Kota Filipina sempena dengan nama anak perempuan Jacob Mussel, Gabenor General Belanda di Batavia Tahun Masehi 1750-1761. Kota ini didirikan dengan tujuan untuk memungut cukai ke atas kapal-kapal yang membawa bijih timah dari Linggi ini tentunya dengan mudah dapat mengawasi kapal-kapal tersebut.

Pada 1 Januari 1758, kota ini telah dijadikan tempat untuk menandatangani perjanjian persahabatan di antara Belanda dan Bugis. Ketua Bugis, Daeng Kemboja yang telah melanggar Melaka beberapa kali telah membuat pusat pemerintahan beliau di Linggi beberapa tahun sebelum itu. Perjanjian tersebut telah memberikan kuasa kepada Belanda untuk memungut cukai ke atas bijih timah dari Linggi, Rembau dan Kelang, Selangor.

Kerja kerja cari gali di kota ini telah dijalankan buat pertama kalinya pada tahun 1935. Sebuah peluru meriam yang diperbuat dari besi, periuk belanga yang diperbuat dari tembikar dan enam keping duit syiling kepunyaan Syarikat Hindia Timur Belanda telah ditemui. Kota ini telah diwartakan pada 15 Mei 1977. Luasnya ialah 3r 11p.

#### **Bibliografi & Sumber :**

**Kota-kota Bersejarah ( Jabatan Muzium ).**

### **Makam Hang Tuah**

Hang Tuah adalah seorang laksamana yang paling terkenal dan termasyhur pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Beliau pernah berkhidmat di bawah beberapa orang sultan termasuk Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Sebagai seorang laksamana beliau bertanggungjawab sepenuhnya atas keselamatan negeri Melaka.

Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu, Hang Kasturi dan Hang Lekiu bersama-sama Bendahara Tun Perak beliau telah membangunkan Melaka dan meletakkan Melaka di dalam senarai pelabuhan dagang yang teragung di rantau ini dalam abad ke-15. Sebagai manusia biasa, beliau akhirnya telah meninggal dunia. Tidak diketahui tarikh sebenar beliau meninggal dunia tetapi dijangka di antara tahun 1490 hingga 1497.

Bukti Makam Hang Tuah di Tanjung Keling - Menurut Bahaman Azit, Hang Tuah meninggal dunia ketika negeri Melaka dalam keadaan aman. Pada waktu itu Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1488-1511) dan Bendahara Tun Perak. Berita kemangkatan Hang Tuah telah tercatat dengan jelas di dalam *Sejarah Melayu*. Mengikuti catatan tersebut:

“Syahdan akan Laksamana Hang Tuah pun kembali ke rahmatullah. Maka oleh Sultan Mahmud ditanamkan di Tanjung Keling dengan sepenuh-penuh adat dianugerah. Tiga hari baginda tiada nobat. Maka Khoja Hassan beranak dengan anak Laksamana Hang Tuah seorang lelaki Tun Abdul namanya.”

Mengapa Hang Tuah di makamkan di Tanjung Keling? Tentu sekali ada sebab-sebab tertentu mengapa Hang Tuah dimakamkan di Tanjung Keling. Hang Tuah adalah kesayangan Sultan Mahmud. Ini jelas dibuktikan dengan catatan berikut: “Tiga hari Sultan Mahmud tiada nobat....”

Adalah dikatakan selain tiada bernobat baginda juga telah berkabung atas kematian laksamana kesayangannya itu. Kerana khidmat cemerlangnya kepada negara, sudah sewajarnya beliau dimakamkan di tempat yang istimewa. Jika Tanjung Keling menjadi tempat pilihan Sultan Mahmud sebagai tempat pemakaman jenazah Hang Tuah, sudah pasti Tanjung Keling adalah tempat yang paling istimewa bagi pandangan baginda dan Bendahara Tun Perak.

Di mana sebenarnya lokasi makam Hang Tuah - Telah jelas bahawa makam Hang Tuah terletak di Tanjung Keling. Banyak kajian terpaksa digunakan, di antaranya ialah mengikut tradisi dan nilai budaya Melayu, sebahagian besar makam diraja dan Orang-orang Besar terletak di tempat-tempat yang istimewa. Ada tiga ciri utama yang harus diambil perhatian dalam proses pengkajian perbandingan ini.

Pertama : Makam Diraja atau Orang-orang Besar biasanya terletak di kawasan makam diraja atau kawasan kerabat orang-orang kenamaan. Ini dapat dilihat hingga sekarang di mana kerabat diraja ada tempat tertentu dan tidak bercampur dengan perkuburan orang awam. Contohnya dapat dilihat di mana-mana negeri di Malaysia ini ada makam dirajanya sendiri.

Kedua : Jika tidak, ia biasanya terletak di tempat atau kawasan yang lebih tinggi dari tanah perkuburan orang awam. Kedudukan makam itu sendiri melambangkan keagungan dan kebesarannya jika dibandingkan dengan makam orang awam. Contoh ini dapat dilihat pada makam Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488 Masehi) yang terdapat di Kampung Raja Pagoh, Muar.

Ketiga : Jika sebab-sebab tertentu seperti kematian semasa peperangan atau satu-satu keistimewaan dan bukan salah satu yang disebutkan di atas, biasanya ia akan dimakamkan terpencil jauh sedikit dari tanah perkuburan orang-orang awam, walaupun tanah perkuburan orang awam terdapat di kawasan itu. Banyak contoh-contoh ini dapat dilihat seperti makam Sultan Mahmud Shah di Pekan Tuan, Kampar, Propinsi Riau, Makam Tun Teja dan lain-lain makam yang terdapat di Perak dan di Pahang.

Berdasarkan pada kajian perbandingan ini ciri-ciri yang kedua dan ketiga amat sesuai sekali. Makam yang dipercayai makam Hang Tuah ini terletak di atas bukit kira-kira lebih kurang 105 meter dari aras permukaan laut. Seluruh kawasan ini berbukit yang hampir dengan laut. Laut dapat dilihat nyata dari bukit ini. Pintu gerbangnya berhadap



dengan laut, seolah-olah jika dia bangun dari tidurnya ia akan terus menghadap laut. Ini sesuai sekali konsep beliau sebagai seorang Laksamana iaitu seorang pegawai yang berkuasa di laut.

Kedudukan di atas bukit melambangkan kekuasaan atau konsep kosmos seperti yang terdapat dalam konsep Hinduisme. Oleh itu makam ini bukan dipunyai oleh orang awam. Sudah pasti dipunyai oleh tokoh yang mempunyai keistimewaan. Ini boleh menambahkan keyakinan kita bahawa ada benarnya dakwaan yang makam itu dipercayai Makam Hang Tuah.

#### **Bibliografi & Sumber :**

1. Bahaman Azit - *Makam Hang Tuah di Tanjung Keling, Melaka* (satu analisis) *Jurnal Sejarah Melaka* (10) 17-30, 1986/87.
2. *Sejarah Melayu, Edisi Shellabear, Jilid 1/11* cetakan ke-5, MPH. Ltd. 1965, Cetera ke-28, hlm. 128.
3. *Ibid.*

#### **Rujukan :**

- ◆ Konsep memakamkan orang-orang kenamaan masih terdapat hingga ke hari ini. Di Malaysia sendiri terdapat Makam Pahlawan. Begitu juga di Indonesia dan lain-lain tempat di dunia.
- ◆ Bukit Banglo Tanjung Keling ialah 95.7 meter dari aras laut (*above sea level*). Jalan Raya 101.22 meter dan makam 105 meter dari aras laut.
- ◆ Bukit ini bersambung dengan bukit Banglo Tanjung Keling. Di bukit itu juga terletaknya balai rehat sultan.

#### **Kota St. John**

Kota ini terletak di Bukit St. John atau dikenali juga dengan nama Bukit Api oleh penduduk Melaka. Kota ini pada asalnya ialah sebuah gereja yang dibangunkan oleh Portugis semasa pemerintahannya di Melaka dari tahun 1511 hingga 1641 tetapi telah musnah akibat serangan angkatan Aceh pada tahun 1628/29.

Semasa pemerintahan Belanda yang bermula pada tahun 1641, bekas tinggalan gereja ini telah dibangunkan semula dan dijadikan sebagai sebuah kubu pertahanan. Tarikh sebenar pembinaan kota ini tidak dapat ditentukan kecuali dari satu keterangan yang boleh dipercayai, pembinaannya dianggarkan pada tahun 1760-1790.

Kedudukan kota ini yang tinggi di atas bukit, dapat memberikan pemandangan ke seluruh bandar Melaka. Pembinaan temboknya begitu kukuh dan masih berdiri hingga ke hari ini walaupun usianya sudah menjangkau dua ratus tahun.

Terdapat beberapa tempat di kota ini yang digunakan untuk tempat menembak sebagai memperkuat lagi pertahanannya. Mengikuti sejarah penempatan Belanda di Negeri Melaka, tentera mereka terpaksa menahan serangan dari pahlawan-pahlawan Melayu dan Bugis yang datang bertubi-tubi. Tempat-tempat menembak yang terdapat di kota ini, membuktikan betapa pihak Belanda terpaksa berjaga-jaga dari serangan-serangan tersebut.

Jika diperhatikan, kita dapati bahawa kesemua tempat-tempat tersebut menghala ke darat. Kemungkinan besar serangan-serangan yang paling ditakuti oleh Belanda pada ketika itu ialah dari darat dan bukannya dari arah pelabuhan. Luasnya ialah 61,583 kaki persegi.

#### **Bibliografi & Sumber :**

***Kota-kota Bersejarah (Jabatan Muzium)***

### ***Makam Tun Teja***

Salah satu daripada kesan peninggalan sejarah menarik yang boleh dilawati oleh pelancong di negeri ini ialah Makam Tun Teja yang terletak di Kampung Sempang, Merlimau iaitu kira-kira 26 kilometer dari bandar Melaka.

Satu perkara yang menarik mengenai makam Tun Teja ini ialah kedudukannya yang terletak di tengah-tengah bendang, iaitu kira-kira 50 meter dari jalan raya. Walau bagaimanapun, pengunjung yang ingin melawat makam berkenaan pasti tidak akan menghadapi masalah untuk menziarahi makam tersebut kerana terdapat 'siar kaki' yang dibina di situ untuk memudahkan pengunjung melaluinya.

Dikatakan, di sekeliling makam Tun Teja itu terdapat beberapa makam lain yang dipercayai makam dayang serta pengikut Tun Teja yang meninggal dunia selepas melarikan diri dari Melaka. Namun, hanya terdapat satu makam sahaja yang dapat dikesan di kawasan sawah itu kerana bakinya dikatakan sudah tenggelam atau batu nisan-nya sudah hilang dan sukar untuk dilihat.

Menyingkap kembali sejarah makam Tun Teja ini, menurut catatan dari *Sejarah Melayu*, nama penuh Tun Teja ialah Tun Teja Ratna Benggala dan beliau adalah puteri Seri Amar Diraja, iaitu Bendahara Pahang dalam abad yang ke-15. Tun Teja dikatakan direbut dari tangan tunangnya, Yang Di Pertuan Pahang ketika itu oleh Hang Nadim untuk diperisterikan oleh Sultan Mahmud Syah Melaka dalam tahun 1488 -1511.

Terdapat pelbagai andaian mengenai siapakah yang sebenarnya yang telah membawa lari Tun Teja dari Pahang ke Melaka. Misalnya, di dalam *Hikayat Hang Tuah*, dikatakan Hang Tuah telah berjaya membawa Tun Teja ke Melaka. Namun, menurut catatan *Sejarah Melayu*, Hang Nadim yang sebenarnya membawa lari Tun Teja ke Melaka berdasarkan kepada tahun yang ada pada ketika itu.

Hasil perkongsian hidup Tun Teja bersama Sultan Mahmud Syah, mereka dikurniakan seorang puteri yang diberi nama Puteri Amra Dewi dan mereka terpaksa mengundurkan diri dari Melaka apabila Portugis menyerang Melaka pada 1511.

Ketika Portugis menyerang Melaka, Tun Teja berada dalam keadaan yang uzur dan sakitnya itu terlalu tenat sehinggakan beliau tidak mampu untuk berjalan. Oleh yang demikian, Sultan Mahmud menitahkan agar orang-orangnya membina sebuah tandu untuk membawa Tun Teja berundur meninggalkan Melaka akibat serangan yang hebat oleh Portugis dan mereka menuju ke Bentayan (sekarang ini dikenali sebagai Muar).

Antara mereka yang turut menyertai angkatan Sultan Mahmud dan Tun Teja semasa berundur dari Melaka ialah pembesar penasihat sultan, Seri Nara Diraja dan ketua angkatan pahlawan yang mengiringi rombongan sultan, Sang Sura. Mereka terpaksa mengikut denai-denai yang ada ketika itu dan dikatakan melalui 12 buah sungai di negeri ini semasa melarikan diri.

Semasa angkatan Sultan Mahmud dan Tun Teja tiba di antara perjalanan Melaka dengan Muar, keadaan Tun Teja semakin tenat dan akhirnya beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir. Atas nasihat Seri Nara Diraja dan selepas dipersetujui oleh sultan, jenazah Tun Teja dimakamkan di suatu kawasan tanah tinggi di situ juga kerana perjalanan untuk ke Muar adalah terlalu jauh.

Sultan telah menitahkan agar angkatannya berhenti di situ selama 3 hari bagi menguruskan pemakaman Tun Teja dan pemakaman dilakukan secara sederhana mengikut adat istiadat diraja sebelum mereka berundur pada hari yang keempat ke Muar.

Sesungguhnya, pemergian Tun Teja mengadap Ilahi meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada diri Sultan Mahmud Syah serta pengikut baginda yang lain. Ini kerana Tun Teja menjadi lambang kesetiaan wanita kerana beliau sering membakar semangat kaumnya untuk turut sama mempertahankan Melaka daripada diancam penjajah.

Pengorbanan dan kesetiaan beliau yang masih sanggup bersama sultan mempertahankan Melaka biarpun terpaksa menghadapi kesusahannya sehingga ke akhir hayatnya wajar dijadikan sebagai perangsang kepada kaum wanita masa kini.

Bagi memelihara serta mengabadikan sejarah Tun Teja ini, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sentiasa menjaga makam itu dengan baik untuk diziarahi dan dikunjungi oleh pelawat serta pencinta sejarah yang datang.

*Tun Teja Ratna Benggala,  
Pandai membelah lada sulab,  
Jikalau tuan kurang percaya,  
Mari bersumpah kalam Allah*

(Pantun diperik dari *Sejarah Melayu*)

### **Makam Hang Jebat**

Makam Hang Jebat terletak di Jalan Kampung Kuli dan makam Hang Kasturi terletak di Jalan Gelanggang. Hang Jebat dan Hang Kasturi ialah sahabat Hang Tuah sejak kecil. Mereka juga merupakan pahlawan Melaka yang terkenal.

Menurut kisahnya, apabila Hang Tuah telah difitnah oleh pegawai istana, Hang Jebat telah menuntut bela. Beliau menyangkakan Hang Tuah telah mati dibunuh tetapi sebenarnya Hang Tuah masih hidup. Apabila Hang Jebat mengamuk dan menyebabkan banyak rakyat Melaka mati, Hang Tuah dipanggil balik untuk membunuh Hang Jebat yang menderhaka kepada Sultan Melaka. Akhirnya Hang Tuah telah membunuh Hang Jebat kerana menderhaka kepada baginda Sultan Melaka.

### **A Famosa**

Porta De Santiago atau lebih dikenali sebagai A Famosa ialah bangunan bekas sebuah kubu pertahanan Portugis. Kota ini dibina oleh Alfonso d'Albuquerque pada tahun 1511. Kota ini diletupkan oleh William Farquhar pada tahun 1807. Yang tinggal kini hanyalah pintu gerbangnya sahaja.

Mengikut catatan sejarah, kedatangan Diego Lopez de Sequeira bertindak membina sebuah gudang di Melaka pada tahun 1509, sedangkan kebenaran tersebut tidak diberikan oleh kerajaan Melaka. Hal demikian menyebabkan kemarahan kerajaan Melaka lalu orang-

orang Lopez de Sequeira ditangkap dan dipenjarakan. Peristiwa itu dijadikan alasan oleh Alfonso de Albuquerque untuk menyerang dan menakluki Melaka. Sultan Mahmud Shah dan sebahagian rakyatnya terpaksa lari dan membuka negeri di Pulau Bintang, di Selat Singapura.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, Sultan Mahmud Shah cuba mendapatkan takhtanya kembali di Melaka. Malangnya serangan yang dilakukan tidak dapat menembusi kubu Portugis iaitu Kota A Famosa, malah percubaan Aceh juga menemui kegagalan. Percubaan terbesar untuk mengalahkan Portugis oleh Melaka dibuat pada tahun 1558. Armada Aceh yang membabitkan 300 buah kapal perang dan 15,000 orang askar dengan bantuan pasukan meriam yang dibawa oleh Turki mengepung A Famosa selama sebulan tetapi digagalkan oleh ketibaan bantuan tentera Portugis dari Goa.

Ketika Belanda mula berkuasa, Belanda telah membuat serangan ke kubu ini. Dalam serangan itu, kubu ini telah dimusnahkan. Walau bagaimanapun, ianya telah dibina semula. Oleh sebab itulah tercatat tarikh 1670 pada pintu kubu ini. Di atas tarikh ini terteraencana Syarikat Persekutuan Belanda Timur India.

Kubu yang dinamakan 'A Famosa' ini dimusnahkan lagi pada tahun 1807 oleh William Farquhar, seorang berbangsa Inggeris apabila Melaka jatuh ke tangan mereka. Pihak Inggeris juga ingin memusnahkan sahaja kubu lama ini tetapi diselamatkan pula oleh Sir Stamford Raffles.

#### **Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek.***

### **Masjid Peringgit**

Masjid Peringgit merupakan masjid yang tertua di Melaka dan terletak kira-kira satu kilometer dari bandar Melaka. Ia mempunyai reka bentuk yang unik dan seni bina yang halus. Masjid ini dipercayai dibina pada zaman Portugis menguasai negeri itu, iaitu pada tahun 1720.

Orang Melayu yang tinggal di Kampung Ulu berpindah ke Kampung Peringgit dan mendirikan masjid di situ kerana dikatakan orang Portugis menakluki Melaka adalah untuk menyebarkan agama Kristian. Bagaimanapun apabila Belanda pula memerintah Melaka, mereka pulang ke Kampung Ulu semula dan membina masjid yang dinamakan sebagai Masjid Kampung Ulu.

Masjid Peringggit dikatakan dibina dengan menggunakan tanah lumpur yang diambil dari sungai yang berhampiran. Selain itu, kayu yang digunakan ialah kayu jenis intan yang kukuh. Orang Peringggit dan orang Kampung Ulu yang berpindah ke situ bekerjasama mendirikan masjid tersebut dengan memperolehi wang untuk kos pembiayaan daripada derma orang ramai dari kampung itu. Tapak masjid itu adalah tanah wakaf yang telah didermakan oleh seorang hartawan Kampung Ulu iaitu Haji Mat.

**Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka* oleh Mohamed Roselan Abdul Malek.**

### ***Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan***

Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan terletak di bandar Melaka dan berhampiran dengan kesan-kesan sejarah yang lain seperti A Famosa dan Istana Kesultanan Melaka. Di hadapan memorial ini ialah Padang Pahlawan, Bandar Hilir iaitu tempat berlangsungnya suatu perhimpunan raksasa pada 20 Februari 1956. Perhimpunan ini merupakan suatu perhimpunan yang paling bersejarah bagi negara kita.

Peristiwa ini adalah untuk menyambut kepulangan rombongan merdeka dari London yang diketuai oleh Tuanku Abdul Rahman Putra. Dalam perhimpunan itu, beliau mengumumkan tarikh kemerdekaan negara kita yang bakal diisytiharkan pada 31 Ogos, 1957.

Bangunan ini dibina pada tahun 1911. Sebelum itu bangunan ini dikenali sebagai Kelab Melaka. Bangunan ini juga digunakan untuk kegiatan sosial oleh golongan atasan dan pegawai-pegawai kerajaan pada zaman penjajahan Inggeris. Setelah merdeka, kelab ini dibuka kepada orang ramai. Kemudian pada tahun 1985, bangunan ini dijadikan memorial yang memuatkan segala dokumen tentang kemerdekaan.

Memorial ini ditubuhkan untuk menyimpan dokumen tentang kemerdekaan negara. Selain itu, pameran di bangunan ini meliputi Zaman Kesultanan Melayu Melaka hinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Barang-barang yang dipamerkan meliputi dokumen, gambar, peta, perjanjian, teks ucapan, pita rakaman, minit-minit mesyuarat, majalah, keratan akhbar dan bahan-bahan artifak yang berkaitan dengan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan.

**Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka* oleh Mohamed Roselan Abdul Malek.**

## **Masjid Al-Azim**

Melaka memang terkenal dengan masjid-masjidnya yang cantik, unik dan penuh dengan fakta sejarah sebagai khazanah berharga negara. Antara masjid yang tersohor ialah Masjid Al-Azim. Ianya telah dijadikan masjid negeri oleh kerajaan Negeri Melaka.

Masjid negeri yang terletak kira-kira 3 kilometer dari bandar Melaka ini mula dibina pada 14 Mac 1984 dan siap sepenuhnya serta mula digunakan pada 12 Januari 1990. Projek pembinaannya yang menelan belanja sebanyak RM 19.5 juta itu telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Azlan Shah pada 13 Julai 1990 M bersamaan 20 Zulhijjah 1410 H.

Masjid Al-Azim ini mengandungi unsur-unsur keistimewaan yang tersendiri. Boleh memuatkan jemaah seramai 11,700 orang dalam sesuatu masa. Ketinggiannya dari tapak ke kemuncak ialah 135.11 kaki. Tinggi menaranya ialah 188.0 kaki, mempunyai jarak antara tiang sejauh 105.0 kaki. Panjang rusuk utamanya ialah 5 X 5 X 60-105 kaki. Ketinggian tiangnya ialah 45.6 kaki dan ketinggian struktur bumbungnya pula ialah 110.0 kaki

Keluasan Masjid Al-Azim ini meliputi Dewan Sembahyang Utama, Bilik Mesyuarat, Mezzanine, Bilik Imam, Bilik VIP atau Bilik Tetamu, Bilik Persalinan Lelaki dan Perempuan, Bilik Wuduk Lelaki dan Perempuan, Bilik Air Lelaki dan Perempuan, Rumah Pegawai Masjid, Tempat Letak Kereta dan juga Seni Taman.



▲ Masjid Al-Azim (1990).

Model Masjid Al-Azim ini disediakan oleh sebuah Jawatan-kuasa Reka Bentuk yang mengambil kira aspek keunikan seni bina tradisi Melayu dan seni ukir Islam. Sesuai dengan keunikannya itu, ia dapat dilihat dari 2 sudut luaran dan dalaman.

Berbentuk segiempat yang disesuaikan dengan bumbung tiga tingkat yang juga sama bentuknya. Ilham ini berdasarkan bentuk masjid pertama yang dibina oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Ianya juga selaras dengan hakikat Islam itu sendiri yang terdiri dari empat unsur utama. Iaitu tapaknya melambangkan syariat (perundangan Islam), tingkat pertama melambangkan tariqat (jalan mendekati Allah) tingkat kedua melambangkan haqiqat (mencari kebenaran Allah), tingkat ketiga melambangkan makrifat (mengenal Allah) dan puncaknya yang berukir-ukir digantikan dengan dom atau kubah.

Tingkat bawah atap berwarna hijau tua yang menuju ke arah sebuah dom berwarna kuning di bahagian atas puncaknya. Ianya menjelaskan tentang sesuatu permohonan hamba yang mengharapkan penerimaannya oleh Allah SWT.

Sebuah menara setinggi 188 kaki (57.3m) dibina berbentuk segi lima yang berfalsafahkan rukun Islam. Asalnya dijadikan tempat bilal melauatkan azan bagi menandakan masuk waktu sembahyang. Jika dilihat dari jauh pula, ia lebih nyata sebagai satu mercu tanda masjid.

Setiap hujung tulang bumbung masjid ini terdapat sulur bayung yang melambangkan satu ciri keistimewaan terhadap keindahan seni bina Melayu. Ilham terciptanya sulur bayung ini diambil dari sejenis tumbuhan liar di tepi sungai. Ianya menggambarkan genggam tangan semasa bertahiyat.

Seni bina taman yang indah direka khas untuk mewujudkan keindahan persekitaran masjid supaya lebih cantik dan menarik.

Sementara tingkat atas seluas 4,125 kps (383.21 mps) dikhaskan untuk wanita seramai 700 orang. Ianya dikelilingi oleh pagar besi berukir yang cantik dengan unsur Islam. Tingkat bawah pula meliputi ruang seluas 57,600 kps (5,351 mps) yang boleh menampung seramai 9,700 orang jemaah lelaki. Ianya luas dan selesa kerana tidak diganggu oleh tiang-tiang kecil. Sebanyak 3 batang tiang besar dibina pada setiap empat penjuru masjid ini bagi mengukuhkan binaan bumbungnya.

Mihrabnya telah dibina berhadapan dengan dewan sembahyang utama yang menandakan arah qiblat yang mengarah ke Baitullah, Mekah. Juga dijadikan tempat imam memimpin sembahyang Jumaat.



Ianya dibina dari batu marmar yang diimport dan dihiasi dengan kepingan logam berukir mengikut unsur Islam.

Sementara mimbarinya terletak di sebelah kanan mihrab yang dihiasi dengan awan larat yang cantik dan mempunyai nilai seni ukir tempatan yang tinggi. Kayu cengal yang terbaik dipilih untuk membuat mimbar setinggi 15 kali ( 4.57m) dengan kelegaan seluas 4.5 kps (1.37 mps) untuk ruang khatib membaca khutbah Jumaat.

Imam sebagai tenaga penggerak utama di sesebuah masjid untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu berkaitan dengan umat Islam setempat. Bilik tersebut dibina berhampiran dengan mihrab dan mimbar yang disediakan sebuah pintu keluar masuk. Manakala bilik mesyuarat pula dibina sederet dengan bilik imam bagi memudahkan urusan pentadbiran masjid ini.

Beberapa potong ayat Al- Quran telah dipilih dan diukir dengan tulisan khat yang menarik. Pemilihan ayat tersebut pula disesuaikan dengan konsep dan falsafah pembinaan masjid ini.

Anjung dan beranda merupakan satu ruang lapang yang berdingding dan bersambung dengan beranda sepertimana bentuk rumah masyarakat Melayu Melaka. Juga berfungsi sebagai tempat sembahyang di samping untuk kegunaan lain mengikut keperluan semasa.

Sementara itu bilik wuduk dan bilik untuk bersalin pakaian telah dibina dua tingkat secara berasingan antara lelaki dan perempuan sepertimana yang dituntut oleh ajaran Islam yang melarang pergaulan bebas. Bilik wuduk dan persalinan pakaian di tingkat atas dilengkapi dengan kemudahan paip air. Manakala di tingkat bawah pula dibina deretan tandas bagi kemudahan para pengunjung.

Mengikut ajaran Islam terdapat adab menghormati tetamu yang mana bilik untuk tetamu atau VIP ini dilengkapi peralatan perabot moden dan alat hawa dingin. Ianya dikhaskan untuk tetamu kehormat dari dalam dan luar negeri. Bahagian silingnya dihiasi dengan ukiran dan lampu antik yang menarik.

### ***Pekan Masjid Tanah***

Pekan Masjid Tanah memang terkenal dalam catatan sejarah terutamanya masjid lamanya iaitu Masjid Tanah. Ia terletak di pinggir Sungai Baru di tengah pekan Masjid Tanah. Sebenarnya ia bukanlah masjid yang dikatakan Masjid Tanah yang asal kerana masjid yang asal terletak di sebidang sawah berdekatan dengan pasar awam pekan Masjid Tanah sekarang.

Bangunan masjid asal ini sudah diruntuhkan pada sekitar tahun 1830. Menurut cerita, masjid asal ini diperbuat daripada tanah liat yang dicampur dengan simen yang diperbuat daripada putih telur.

Pengasas masjid ini ialah Tuan Sheikh Imam Maznum, mubaligh dari Gujerat, India. Masjid ini dikatakan didirikan pada tahun 1730 dan dibina secara gotong-royong.

Masjid ini siap dalam tempoh enam bulan sahaja. Tuan Sheikh Imam Maznum menjadi imam pertamanya. Beliau telah meninggal dunia dalam pelayaran dan mayatnya dibawa pulang ke Gujerat.

#### **Bibliografi & Sumber :**


***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek***

### ***Masjid Tengker***

Masjid lama ini terletak di Jalan Tengker dekat Jalan Gajah Berang. Ia dibina pada tahun 1728 dan merupakan masjid bersejarah yang pertama kerana dibina pada zaman pemerintahan Belanda. Masjid ini juga adalah masjid yang kedua tertua di Melaka selepas Masjid Peringgit.

Bangunan masjid ini bersegi empat dan ditutup oleh bumbung berlapis tiga. Bumbungnya berbentuk piramid dan bertangkup tiga dengan puncak bumbung yang berbentuk meru dan perabung som pecah empat. Kepala som dibina dengan ukiran yang menyerupai sebuah stupa. Bentuk seni bina masjid ini hampir menyerupai Masjid Kampung Laut.

Perkara yang ganjil tentang masjid ini ialah terdapat sebuah menara yang mempunyai seni bina yang sama dengan



*Menara pagoda yang terdapat di Masjid Tengker*

pagoda. Menaranya diperbuat daripada batu dan reka bentuknya jelas memperlihatkan kombinasi seni bina Cina dan India.

Pada asalnya Masjid Tengkeria ini diperbuat daripada kayu dengan atapnya daripada daun nipah dan tiangnya daripada kayu berlian atau ulin yang diimport dari Kalimantan, Sumatera. Masjid ini telah diperbaharui beberapa kali iaitu pada tahun 1890 dan 1910.

Di dalam kawasan masjid ini terdapat makam Sultan Hussein Muhamad Shah dari Johor yang telah mengiktiraf perjanjian awal penyerahan Singapura kepada Sir Stamford Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman pada 6 Februari 1819. Selepas penyerahan Singapura, baginda meninggalkan Singapura dan berpindah ke Melaka. Sultan Hussein Muhamad Shah mangkat pada 5 September 1835 dan dimakamkan di perkarangan masjid ini.

#### **Bibliografi & Sumber :**

*Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka oleh Mohamed Roselan Abdul Malek.*

### **Perigi Hang Tuah**

Sebagai negeri yang terkenal dengan nama Hang Tuah tentulah ada tempat yang mempunyai nama pahlawan Melayu itu yang terlepas sebagai kenangan buat generasi seterusnya. Selain dari Makam Hang Tuah, terdapat juga sebuah perigi yang menggunakan nama Hang Tuah kepada namanya. Perigi tersebut ialah Perigi Hang Tuah.

Perigi Hang Tuah ini terletak di Duyung, kira-kira 4 kilometer dari bandar Melaka. Menurut catatan sejarah, di Kampung Duyung inilah tempat kelahiran Hang Tuah dan dipercayai bahawa perigi itu digali oleh Hang Tuah.

Dipercayai oleh orang-orang tempatan bahawa terdapat seekor buaya putih di dalam perigi ini. Buaya putih ini dipercayai sebagai tempat keramat Hang Tuah dan sesiapa yang dapat melihatnya akan mendapat tuah.

Laksamana Hang Tuah ialah pahlawan Melayu yang terkenal. Beliau mempunyai empat orang lagi sahabat iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekiu dan Hang Lekir.

Menurut ceritanya, mereka berlima ini bersahabat karib sejak kecil lagi. Mereka bersama berguru dan belajar silat dengan Sang Adi Putera. Mereka berkhidmat pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah.

Mereka pernah mengalahkan lanun-lanun di laut dan melindungi Bendahara Melaka daripada diserang oleh orang yang sedang menga-  
muk. Hang Tuah juga pernah mengiringi Sultan Melaka ke Majapahit.

**Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka* oleh  
Mohamed Roselan Abdul Malek.**

### ***Pulau Besar***

Pulau Besar terletak kira-kira 5 kilometer dari pantai Melaka. Pulau Besar dengan keluasan 168 hektar, kini dimajukan sebagai tempat peranginan dan mula menjadi tarikan pelancong. Daripada catatan sejarah, pulau ini dipercayai sebagai pusat tamadun yang terawal di Malaysia. Ia bukan sahaja menjadi tumpuan pedagang-pedagang Islam yang datang berdagang pada kurun ke-14, tetapi juga bangsa-bangsa lain yang turut berdagang ke rantau ini.

Banyak mata wang lama yang ditemui di pulau ini seperti mata wang Arab, Portugis, China, Belanda, Jawa, Bugis dan Inggeris. Beberapa buah perigi lama yang masih ada di pulau ini menjadi bukti tentang zaman kegemilangan negeri Melaka dan Pulau Besar khususnya. Ini adalah kerana terdapat kapal-kapal pedagang yang berlabuh di pulau ini untuk mendapatkan bekalan air.

**Bibliografi & Sumber :**

***Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Negeri Melaka* oleh  
Mohamed Roselan Abdul Malek.**

### ***Kereta Lembu***

Selain dari tempat-tempat bersejarah yang wajar diketahui dan mencagunkan Melaka atau Bumi Hang Tuah ini sebagai destinasi pelancongan yang tersohor, kereta lembu juga merupakan satu-satunya tinggalan sejarah yang amat sinonim dengan Melaka. Sebut saja kereta lembu, kita dengan mudah saja membabitkannya dengan Negeri Melaka.

Semenjak dari zaman silam lagi, manusia telah mencuba menghasilkan pelbagai ciptaan dan reka bentuk yang timbul dari gerak pemikiran yang waras. Reka bentuk ini sentiasa diubahsuaikan selaras dengan perkembangan masa dan zaman sehinggalah bahan itu sesuai mengikut kehendak untuk sesuatu kegunaan. Sehingga hari ini manusia terus menerus mencipta dan menghasilkan ciptaan-ciptaan mereka sesuai dengan kepentingan diri sendiri dan manusia sejagat.



Kelahiran Adam dan Hawa ke dunia yang fana ini telah dikurniakan oleh Tuhan dengan akal dan fikiran yang waras. Maka darinya, timbul dan lahirlah ciptaan-ciptaan yang unggul sehingga dapat dipadankan ciptaannya itu dengan sesuatu kegunaan yang boleh menolong manusia supaya terus bergerak maju. Pergerakan manusia di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain adalah tertakluk kepada cara dan kenderaan yang digunakannya. Kenderaan adalah sesuatu yang paling penting kepada manusia, sama ada pada zaman silam ataupun pada zaman ini.

Semakin hari, semakin giat manusia mencipta kenderaan yang baik dan selesa untuk kemudahan mereka. Pada zaman silam, ciptaan kenderaan untuk mengangkut sesuatu bahan muatan itu adalah sukar dan apa yang dibentuk adalah ciptaan yang kasar dan tidak memuaskan. Pada masa kini, para penyelidik telah berpendapat bahawa 'roda' yang dicipta pada zaman purba, mungkin telah lahir dari penelitian mereka; penggunaan kayu-kayu galang yang bulat dan digunakan oleh orang-orang purba telah berjaya untuk mengurung dan memindahkan sesuatu benda yang berat.

Batang-batang kayu galang yang bulat ini disusun di sepanjang jalan. Benda atau muatan yang berat itu disorong dan ditolak di atasnya ketika kayu galang itu bergolek dan berpusing. Manusia pada zaman itu telah menggunakan teori ini untuk membuat beberapa ujian yang kasar sehingga lahirnya ciptaan 'roda' yang ada sekarang.

Berkumandang dari alam dan zaman purba ke arah negara kita jelas kelihatan bahawa ciptaan ini mungkin ada kaitannya atau telah diperkenalkan kepada kita menerusi mereka yang datang berdagang ke Gugusan Kepulauan Melayu pada dahulu kala. Apa yang dimaksudkan di sini ialah ciptaan sebuah kereta yang ditarik oleh dua ekor lembu.

Kereta lembu ini hanya terdapat di Melaka sejak beberapa kurun yang lalu. Mengikut catatan lama, iaitu sumber yang berbau Cina menunjukkan bahawa sejak zaman kesultanan dan empayar Melayu Melaka lagi; iaitu dalam lingkungan tahun 1400, kereta lembu kononnya telah pun digunakan di Negeri Melaka.

Ciptaan dan rupa bentuk kereta lembu itu mungkin tidak scindah sekarang, tetapi ia telah dapat memenuhi fungsi asalnya iaitu untuk mengangkut muatan barang-barang atau sebagai pengangkutan untuk manusia. Tidak ada jalan raya yang sempurna pada masa itu kecuali potongan jalan-jalan yang dibuat mengikut liku-liku bukit atau pesisiran gunung-ganang yang sentiasa menjadi batasan pergerakan kenderaan yang laju atau sempurna buatannya.

Satu lagi sumber-sumber teori yang boleh dipercayai ialah yang mengatakan bahawa orang India yang telah memperkenalkan kereta lembu di Melaka. Teori ini boleh dipercayai kerana bentuk kereta lembu yang masih digunakan di India pada masa ini adalah seakan-akan dengan yang terdapat di sini termasuklah fungsinya yang serupa.

Bentuk kereta lembu adalah unik dan sekali pandang, ia merupakan sebuah *wagon* yang ditarik oleh beberapa ekor kuda, yang digunakan oleh orang Amerika pada zaman dahulu. Struktur dan prinsipnya juga adalah seakan-akan sama. Kereta lembu Melaka dicipta mengikut empat bahagian besar iaitu Kajang (penutup), Badan, Balak dan Roda. Keempat-empat bahagian ini boleh dibuka dan diceraikan satu persatu.

### **Badan Kereta Lembu**

Bahagian ini adalah bahagian yang kedua pada kereta lembu. Ia mempunyai reka bentuk yang mudah dengan menggunakan kepingan-kepingan papan lurus dan dibentuk seakan-akan sebuah peti panjang, berukuran lebih kurang 8 kaki panjang, 32 inci luas dan tingginya dalam lingkungan 32 inci.

Peti besar ini dibentuk dengan menggunakan tiga keping papan berukuran lebih kurang 6 inci lebar tiap-tiap satu yang bertindih dan disokong oleh tiang-tiang rangka yang berukuran 2 inci X 3 inci mana-

kala lantainya pula disusun dengan menggunakan papan yang tebal sedikit daripada papan dinding.

Di bawah badan kereta lembu ini dimeterikan sebatang kayu bulat sepanjang lebih kurang 15 kaki. Kayu ini dikenali dengan istilah 'bom'. Di hujung bom ini dipasang pula sebatang kayu melintang yang diberi nama 'pasang'. Pasang ini berukuran 70 inci dan dibentuk khas, sesuai dengan kedudukannya yang terletak di atas tengkuk kedua-dua ekor lembu yang menariknya.

Pasang ini dilengkapi pula dengan dua batang besi dan dua utas tali pasang yang berfungsi untuk mengawal lembu daripada lari sebaik-baik sahaja tengkuk dan lehernya diikat dan dipasangkan ke kereta lembu.

Di Bumi Hang Tuah atau Melaka ini, biasanya orang menggunakan dua ekor lembu jantan yang berkelasa untuk menarik kereta lembu. Lembu jenis ini disifatkan bertenaga kuat dan oleh menarik beban dan muatan yang berat.

### **Balak**

Balak serta 'gandar roda' di pasang di bawah perut kereta lembu. Balaknya menggunakan kayu yang baik dan keras manakala gandar roda diperbuat dengan menggunakan batang besi bulat yang dipasakkan ke dalam balak itu dan terjulur di kiri kanannya untuk menerima gegantang serta kedua-dua roda kereta lembu tersebut. Roda besar yang mempunyai gegantang yang berlubang itu kemudiannya dipasangkan kepada ganda-roda. Untuk mengelakkan roda itu keluar dari ganda, ketika di perjalanan, maka baji dipasakkan di kedua-dua hujung ganda tersebut.

Badan kereta lembu boleh dipisahkan dengan mengangkat dari balaknya. Keadaan ini boleh dibuat kerana di kiri kanan balak tersebut disertakan dengan dua batang besi yang dipacakkan untuk mengawal kedudukan badan dan balak berganjak daripada tempat asalnya. Kedua-dua rodanya juga boleh dipisahkan dari ganda roda dengan mencabutkan besi pasak atau 'cabi' di hujungnya.

### **Kajang**

Ia telah direka khas bersesuaian dengan bentuk kereta lembu itu sendiri. Rangka asalnya dibuat dengan dua bingkai tiga segi dan dipadankan dengan badan kereta itu. Bingkai-bingkai itu diperbuat

dengan menggunakan tiga batang kayu mengkulang yang dipaku dan diikat di tiga penjuru secara memanjang. Rangka ini kelihatan seperti bumbung rumah Melaka ataupun bumbung lentik rumah Minangkabau.

Daun mengkuang selebar lebih kurang 11/2 inci yang telah diproses disusun sehingga menutupi rangka kajang itu sepenuhnya; setelah itu disisik rapi dan dijalin sehingga berangkai dengan menggunakan rotan yang telah dibelah dan diraut nipis.

Ukuran berangkai yang sesuai dengan untuk badan kereta lembu biasanya berukuran lebih kurang 58 inci lebar, 37 inci tinggi dan 14 kaki panjang. Kayu mengkulang biasanya digunakan untuk membentuk sesebuah kajang yang cantik dan kayu jenis ini mudah dilentikkan dan tahan lasak.

### **Roda**

Roda adalah bahagian yang keempat dipasang pada bahagian kereta lembu. Ia direka khas dan dibentuk dengan menggunakan kayu cengal atau merbau. Roda yang baik dipasangkan dengan 14 jari-jari daripada kayu yang sama dan dipasangkan terus di sekeliling gegantang besar. Jari-jari ini boleh menahan roda daripada bengkok atau pecah semasa dalam perjalanan.

Di sekeliling roda itu dilapikkan pula dengan simpai besi mengikut ukuran kelilingnya. Besi ini berukuran 5 inci lebar dan 1/4 inci tebal. Sebelum dipasang, besi ini terlebih dahulu dipanaskan di atas bara api supaya mengembang dan dipasangkan kepada rangka roda kayu.

Sebaik-baik sahaja kedudukannya sudah betul, lalu disiramkan air ke atasnya dan apabila besi itu sejuk dan mengecut, ia akan mencengkam kepada roda. Ini adalah cara dan teknik asli yang biasa diamalkan di Melaka. Mungkin teknologi ini kurang saintifik tetapi sesuai dengan kehendaknya. Ukuran roda yang sederhana bergaris pusat 56 inci lebar.

Selepas kedua-dua roda dipasang, sebatang kayu langsing ditekankan di belakang kedua-dua roda itu sebagai penahan atau 'breknya'. Langsing hanya boleh dibuat dengan kayu mahang sahaja, kerana keadaannya yang lembut dan boleh mencengkam kuat pada kedua-dua roda besi apabila digunakan.



Langsing biasanya digantung di bahagian belakang selari dengan kedua-dua roda, ia diikat dengan menggunakan rotan yang sederhana bulatnya dan dililit atau dipintal terus kepada hujung bom supaya senang dipijak oleh pemandu apabila hendak berhenti atau semasa menurun bukit.

Semasa kereta lembu berhenti dan tidak digunakan, kereta itu akan ditongkat dengan kayu bercabang di mana ianya dicucuk ke dalam batang bom di sebelah depan dan berhampiran dengan kayu pasang supaya batang baru dan kayu pasang tidak rosak. Sebatang kayu yang digantungkan di bahagian belakang badan kereta lembu dikenali dengan nama 'tongkat' atau 'anjing-anjing', berfungsi untuk menahan kereta dari terjongket ketika menaiki bukit.

Kereta lembu yang kemas biasanya mempunyai dua buah 'pak', satu di sebelah kiri satu di sebelah kanan badan kereta itu. Pak-pak ini digunakan untuk menyimpan sabit pisau belati atau alat-alat menghisap rokok daun dan dan tembakau apabila dikehendaki.

Muatan biasanya diisi pada waktu petang dan mula berjalan pada waktu subuh. Dengan keadaan demikian adalah wajar ianya dilengkapi dengan dua buah lanting yang baik dan dinyalakan dengan menggunakan minyak api seperti pelita. Cahaya lanting ini boleh kelihatan dari jauh kerana di muka belakangnya dilengkapi dengan pantulan cahaya merah. Lanting ini biasanya digantungkan dekat dengan kayu 'palang' iaitu tempat pemandu meletakkan lengannya ketika dalam perjalanan.

Lembu yang sihat dan kuat boleh menarik muatan yang penuh dan berjalan sejauh 7 kilometer dalam jangka masa 1 1/2 jam. Pemandu biasanya tidak menyebat lembu-lembunya untuk bergerak laju tetapi beliau hanya menggeli atau mencakar dengan 'capbuku' atau tas yang dibuat dari rotan di belakang lembu itu.

Masa kini, kereta lembu tidak digalakkan lagi menggunakan jalan raya di Melaka, kerana boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas serta kekotoran apabila lembu-lembu menaburkan najisnya di sepanjang jalan yang dilaluinya.

Pada masa kini telah menjadi kebiasaan bahawa sekala-sekali perarakan kereta lembu berhias dibenarkan misalnya semasa menyambut perayaan mandi safar, pesta-pesta rakyat dan lain-lain iaitu apabila kereta lembu mengambil peranan untuk mengangkut anak-anak tonggeng berserta dengan alat-alat muzik tradisionalnya yang terkenal di Melaka.

Akhir-akhir ini kereta lembu yang beroda besi dan kayu tidak banyak digunakan lagi di Melaka dan digantikan dengan roda-roda bertayar, seperti roda kereta. Perubahan ini adalah sejajar dengan keadaan zaman dan ini memudahkan lagi pergerakan kereta lembu di jalan raya yang lebih baik dari dahulu kala. Roda-roda ini juga lebih senang diperolehi atau ditukar ganti.

Walaupun larangan telah dikeluarkan bahawa kereta lembu tidak boleh digunakan di jalan raya dalam bandar tetapi ia tetap dan terus digunakan di luar bandar untuk mengangkat padi, kayu api, rumput memindahkan perabot rumah dan sebagainya.

Oleh kerana kenderaan ini semakin berkurangan, maka ia telah menjadi bahan koleksi yang dipamerkan di hotel-hotel, ataupun di muzium-muzium dan dipamerkan juga kepada orang ramai serta diabadikan terus sebagai satu bahan yang ada kaitan dengan sejarah seterusnya mengingatkan kepada kita bahawa ia adalah satu-satu kenderaan yang teragung di negara kita ini pada masa dahulu.

### ***Makanan Kaum Baba Dan Nyonya***

Melaka juga amat terkenal dengan budaya dan adat resam bangsanya. Lantaran kepelbagaian bangsa dan adat resam ini cagukan juga kepelbagaian jenis makanan yang menjadi tradisi masyarakatnya. Masyarakat Baba dan Nyonya sememangnya terkenal di Melaka. Masyarakat ini juga terkenal dengan makanan tradisinya turun temurun dari nenek moyang mereka. Biasanya makanan kaum Baba berasal dari masakan Cina tetapi disesuaikan dengan selera kaum Baba yang gemarkan masakan pedas kaum Melayu. Tetapi amalan ini hanya dilakukan di rumah sahaja.

Makanan dan masakan tradisi masyarakat Baba ini biasanya disajikan pada hari perayaan seperti sambutan Tahun Baru Cina, Hari Lahir atau Majlis Perkahwinan. Di sinilah dihidangkan masakan dan kuih-muih tradisional mereka.

Jenis-jenis masakan Baba adalah seperti kari, sambal, pang-teh, bak-wan kepiting iaitu campuran daging babi dan sup ketam, itik timitik yang disalut dengan sayur jeruk atau diperam, itik sioh iaitu daging itik yang disalut dengan rempah, hati babi bungkus, acar Nyonya dan nasi lemak.

Selain itu, masyarakat Baba juga menghidangkan nasi kunyit dan sejenis mee yang dibuat khas, iaitu 'mee sua tau'. Mee ini dibuat bertujuan untuk memenuhi hajat supaya dipanjangkan umur.

Kuih-muih tradisional masyarakat Baba pula terdiri daripada kuih bakul atau tih kuey dan kuey-ku yang berbentuk kura-kura berwarna merah, biru dan hitam. Kuih bakul atau tih kuey ini adalah warisan masyarakat Cina terhadap masyarakat Baba. Selain itu, masyarakat Baba juga meminati kuih-muih tradisional Melayu seperti dodol, wajik, tapai, baulu dan lain-lain lagi.

### ***Makanan Kaum Chetty***

Selain dari masyarakat Baba dan Nyonya, masyarakat Chetty juga merupakan satu masyarakat yang sangat terkenal di Melaka. Di samping itu, masyarakat Chetti juga mempunyai makanan tradisinya turun-temurun. Makanan masyarakat ini ialah 'tause' dan 'ittali'. Kedua-dua makanan ini diperbuat daripada beras yang direndam dan dikisar halus.

Sehingga hari ini, makanan ini masih hidup segar dalam kehidupan mereka dan masih diamalkan oleh masyarakat Chetty dan di kalangan penduduk Melaka yang meminatinya. Biasanya makanan tradisi ini dihidangkan pada hari-hari kebesaran agama dan hari-hari perayaan mereka.

### ***Tapai***

Makanan bagi masyarakat Melayu juga amat terkenal di sini. Antaranya ialah tapai. Tapai ialah sejenis kuih yang diperbuat daripada pulut. Terdapat 2 jenis tapai iaitu tapai ubi dan tapai pulut. Biasanya tapai pulut lebih popular jika dibandingkan dengan tapai ubi. Tapai pulut rasanya lebih sedap kerana itulah tapai ubi tidak dapat menandingi tapai pulut.

Bahan-bahan untuk membuat tapai tidaklah terlalu rumit. Tapai pulut memerlukan bahan seperti pulut, ragi dan sedikit gula. Ketiga-tiga bahan ini hendaklah dicampurkan sehingga menjadi sebatii. Kemudian ia dibungkus sedikit-sedikit dengan menggunakan daun yang disebut sebagai daun tapai. Tetapi pada zaman ini, daun tapai semakin sukar didapati dan kebanyakan tapai dibungkus dengan menggunakan daun pisang. Terdapat sedikit perbezaan rasa antara tapai yang dibungkus dengan daun tapai dan tapai yang dibungkus dengan daun pisang.

Tapai yang telah siap dibungkus dimasukkan ke dalam pasu yang besar atau tempayan yang besar dan ditutup dengan kain. Setelah diperam dan disimpan selama 3 hari, tapai itu akan masak dan barulah

boleh dimakan. Tapai yang telah masak mengeluarkan air yang sangat manis. Air tapai ini boleh diminum dan juga boleh dijadikan sebagai ubat tradisional.

Menurut riwayat, orang tua-tua zaman dahulu juga mempunyai pantang larang apabila hendak membuat tapai. Apabila tapai sedang dibungkus, seseorang itu tidak boleh memakan sirih atau mendekatkan dengan benda-benda yang berwarna merah. Jika pantang larang ini dilanggar, tapai tersebut akan berwarna merah dan rasanya tidak sedap. Seseorang itu juga tidak boleh memakan benda yang masam ketika membungkus tapai kerana ia akan menyebabkan tapai menjadi masam.

Tapai yang telah masak juga tidak boleh disimpan lama, masanya adalah lebih kurang dalam 2 hari sahaja dan kerana rasanya yang terlalu manis biasanya sesuai dimakan pada waktu tengah hari sebagai pencuci mulut. Dan sekiranya kita ingin menambahkan lagi kesedapan tapai, tapai itu boleh dicampurkan dengan santan kelapa dan dimasukkan sedikit ais.

## **Belacan**

Masakan orang-orang Melayu tidak dapat lari dari belacan. Di dalam masakan-masakan yang pedas terutamanya, belacan seringkali digunakan bagi menyedapkan lagi masakan tersebut. Sambal belacan bagaikan amat sinonim dengan orang-orang Melayu baik di mana sahaja termasuk di Bumi Hang Tuah ini.

'Belacan' ialah sejenis bahan yang digunakan di dalam masakan. Ia begitu popular di Melaka. Masakan akan menjadi lebih sedap jika dicampurkan dengan sedikit belacan. Cara membuatnya tidaklah begitu rumit. Belacan diperbuat daripada udang yang halus atau dikenali sebagai udang geragau. Ugang geragau ini dicuci bersih, dijemur dan dicampurkan dengan garam mengikut banyak atau sedikit udang geragau yang hendak dibuat belacan. Kemudian ia dijemur supaya menjadi kering.

Setelah kering, udang geragau ditumbuk dengan menggunakan lesung batu (sejenis alat yang diperbuat daripada batu yang berbentuk bulat digunakan untuk menghancurkan atau menghaluskan). Ia ditumbuk supaya menjadi halus. Selepas selesai ditumbuk udang geragau di kepal-kepal dan diambil segenggam demi segenggam untuk dibuat bulatan dan leper (terpulang sama ada besar atau kecil).

Selepas selesai dibuat, barulah ia dikenali sebagai belacan. Belacan yang siap dibuat itu akan dijemur dan perlulah disimpan di tempat yang mempunyai suhu yang sejuk agar ia boleh bertahan lama.

## Cencaluk

Masyarakat Melayu di Malaysia memang kaya dengan pelbagai makanan tradisi yang melambangkan keistimewaan sesuatu kaum tertentu. Begitu juga dengan masyarakat keturunan Melayu tidak kira di mana mereka berada. Masyarakat Melayu di Bumi Hang Tuah atau Melaka ini terkenal juga dengan pelbagai makanan tradisionalnya. Makanan tradisional masyarakat Melayu Melaka memang tidak pernah dilupakan sehingga ke hari ini. Makanan tradisi ini masih popular dan masih menjadi santapan harian mereka.

Salah satu makanan yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu Melaka ialah cencaluk. Cencaluk adalah sejenis lauk dalam hidangan makanan nasi. Ia diperbuat daripada udang halus yang lebih dikenali sebagai udang geragau. Ugang geragau akan dicampurkan dengan air dan akan dicampurkan dengan sedikit nasi.


Setelah ketiga-tiga bahan tadi sudah menjadi sebatii ia akan dimasukkan ke dalam sebuah bekas iaitu pasu atau tempayan kecil dan ditutup rapat-rapat dengan menggunakan kain bersih. Ia diperam dan disimpan selama 3 hari. Untuk menyedapkan rasanya lagi bolehlah dimasukkan sedikit air didih nasi.

Untuk menyedapkan lagi apabila dimakan dengan nasi, hendaklah dicampurkan dengan lada basah dan bawang besar yang dihiris kemudian diperahkan dengan limau nipis atau limau kasturi. Dan cara yang kedua ia boleh dicampurkan sedikit lada basah dan sehiris halia kemudian digoreng dengan telur.

## Dodol

Setiap musim Hari Lebaran, pelbagai jenis kuih muih akan disediakan oleh orang-orang Melayu terutamanya dodol. Dodol adalah sejenis makanan yang boleh dikategorikan dalam kumpulan makanan rang manis. Dodol sangat terkenal di Melaka. Membuat dodol boleh dikatakan merumitkan. Ramai orang selalu mencuba untuk membuatnya. Tetapi tidak semua yang akan menghasilkan dodol yang bermutu tinggi.

Biasanya mereka yang mahir membuat dodol ini terdiri daripada orang-orang tua dahulu. Jarang sekali generasi muda mahir membuat dodol. Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat dodol terdiri daripada santan kelapa, tepung beras, gula pasir, gula melaka dan garam.



▲ Makanan tradisional masyarakat Melayu

Untuk membuatnya, bahan-bahan tersebut hendaklah dicampur bersama di dalam kuali yang besar atau dikenali sebagai kawah dan dimasak di bawah api yang sederhana besar. Dodol yang dimasak tidak boleh dibiarkan kerana jika dibiarkan, dodol akan hangus atau hangit di bahagian bawahnya. Oleh itu, dodol hendaklah sentiasa dikacau bergilir-gilir untuk mendapatkan hasil yang baik.

Dodol yang dimasak memakan masa yang agak lama iaitu lebih kurang 4 jam kerana sekiranya kurang dari 4 jam, dodol yang dimasak tidak sedap dimakan. Setelah 2 jam dodol tadi dimasak, dodol akan bertukar kepada warna coklat dan pekat sedikit. Dodol tersebut akan mendidih dan mengeluarkan gelembung-gelembung yang banyak.

Dalam proses ini dodol hendaklah dikacau supaya gelembung dodol tersebut tidak terkeluar dari kawah sehinggalah dodol tersebut masak dan diangkat. Akhir sekali, dodol tersebut hendaklah disejukkan di dalam periuk yang besar. Untuk mendapatkan hasil yang baik dan rasa yang sedap, dodol mestilah berwarna coklat tua, berkilat dan pekat.

Selepas itu, dodol tersebut bolehlah dipotong dan dimakan. Kebiasaannya dodol akan dihidang kepada tetamu pada hari-hari tertentu seperti hari-hari perayaan dan majlis kenduri.

### **Gula Melaka**

Antara makanan yang mendapat nama Melaka ialah kuih buah Melaka dan gula Melaka. Kuih buah Melaka banyak terdapat di lain-lain negeri tetapi gula Melaka memang menjadi bahan keluaran Negeri Melaka yang amat terkenal.

Sesungguhnya gula Melaka atau dikenali juga dengan nama gula mak banyak terdapat di Melaka. Gula Melaka diperbuat daripada air nira kelapa. Kemanisan dan kehalusan gula Melaka ini berbeza dengan gula tiruan yang berada di pasaran kini. Proses membuat gula Melaka bukanlah satu pekerjaan yang mudah kerana ia terpaksa melalui tiga peringkat pemprosesan. Seseorang yang pakar dalam membuat gula Melaka dapat mengenal pasti kelapa yang dapat menghasilkan air nira yang baik. Ini penting bagi mendapatkan gula Melaka yang bermutu tinggi.

Peringkat pertama dalam menghasilkan gula Melaka ialah dengan menggunakan buluh dan pengikatnya serta pisau yang dikenali sebagai 'penyadap' untuk mengambil nira kelapa. Setelah itu, mayang kelapa ditenturkan dengan membalutnya pada daun kelapa muda. Ianya

dilenturkan sedikit demi sedikit dan proses ini berterusan sehingga seminggu bagi mengelakkan tangkai mayang itu patah. Mayang yang dilentur dibuang seludangnya dan dihiris sedikit demi sedikit dan air nira ditakung ke dalam buluh yang sepanjang 1 kaki. Di dalam tabung tersebut diletakkan sedikit kapur untuk mencegah air nira daripada menjadi masam. Air nira ini dikenali sebagai air tuak.

Pada peringkat kedua proses memasak gula Melaka selama empat jam. Pada peringkat ini pengawasan dan pengalaman penting bagi menghasilkan gula yang baik. Tempat memasak gula Melaka dikenali sebagai 'sabak'. Api sabak mesti dijaga agar tidak terlalu besar ketika gula mulai pekat dan mengeluarkan buih yang berwap panas.

Nyalaan api tidak boleh dibesarkan lagi di peringkat 'bunga sena' di mana keadaan gula telah menjadi agak pekat dan mengeluarkan banyak buih dan dikacau perlahan-lahan. Beberapa minit kemudian, kancang diturunkan dan terus dikacau bagi menghasilkan gula yang halus.

Peringkat terakhir ialah bagi memastikan setelah cukup ukuran kepekatannya dan gula masih panas dituangkan ke dalam acuan yang diperbuat daripada buluh setinggi 3 inci, tidak tertutup di kedua-dua hujungnya dan tabung tersebut diletakkan di atas lantai khas. Setelah beku, gula tersebut dikeluarkan daripada bekas tersebut.